


Buletin UnisZA

ISSN 2180-0235 | OGOS 2019 | BIL.28



Sasterawan Negara
Pemangkin Mahasiswa Berilmu

PENGURUSAN TERTINGGI

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan
Naib Canselor

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
(Menjalankan Fungsi)

Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

En. Ismail Ahmad
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas
Penasihat Undang-undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani
Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman
Pengarah Kampus Besut

SIDANG EDITOR

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh
Penerbit UniSZA

Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Dr. Mohd Razif Shahril
Fakulti Sains Kesihatan

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Pusat Pengurusan Kecemerlangan Akademik dan
Pengantarabangsaan

Pn. Roslida Abdul Razak
Fakulti Perniagaan dan Pengurusan

Cik Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin
Penerbit UniSZA

Pn. Norizan Mohammad
Penerbit UniSZA

SENARAI PENYUMBANG BAHAN

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
2. Pejabat Pengarah Kampus Besut
3. Pejabat Pendaftar
4. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
5. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
6. Fakulti Sains Kesihatan
7. Fakulti Perniagaan dan Pengurusan
8. Fakulti Informatik dan Komputeran
9. Perpustakaan UniSZA
10. Penerbit UniSZA
11. Pejabat Wakaf dan Endowmen
12. Institut Penyelidikan Produk dan
Ketamadunan Melayu Islam
13. Pusat Komunikasi Korporat dan
Pengurusan Perhubungan
14. Pusat Pengajian Teras
15. Pusat Alumni, Keusahawanan dan
Jaringan Masyarakat
16. Pusat Islam UniSZA
17. Pusat Sukan dan Rekreasi
18. Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar
19. Kelab Astronomi UniSZA
20. Persatuan Kebudayaan dan Kesenian India
21. Prof. Madya Dr. Najihah Abdul Wahid, INSPIRE
22. Dr. Hanif Md Lateh @ Junid, FKI
23. Dr. Hanita Hanim Ismail, FBK
24. En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali, FBK

Hak Cipta Terpelihara © 2019. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2019
Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA.
Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>




KANDUNGAN

Utama	4
Malim Sarjana	5
Bengkel/Seminar/Kursus/Mesyuarat	9
Tokoh	24
Rencana	27
Pencapaian	34
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	39
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	54
Sukan dan Ko-Kurikulum	56
Terbitan UniSZA	60

Program Sehari Bersama Pak Samad

Dihadiri Lebih 2,000 Peserta



Lebih 2,000 mahasiswa, pelajar sekolah dan masyarakat sekitar hadir memeriahkan Program Sehari Bersama Dato' Seri A Samad Said yang berlangsung di Dewan Al Muktafi Billah Shah (DABS), Kampus Gong Badak, UniSZA. Program sehari anjuran UniSZA itu memberi peluang kepada pelajar serta masyarakat untuk mengenali lebih dekat lagi Sasterawan Negara yang tersohor itu.

Dato' Seri A Samad Said ketika ditemui melahirkan kegembiraan kerana dapat berkongsi pengalaman dan ilmu berkaitan kesusteraan bersama pelajar UniSZA yang diharap dapat memotivasi mereka untuk aktif dalam bidang penulisan. "Masih banyak perkara yang belum diteroka dan ia perlu didokumentasikan dalam bentuk penulisan untuk menjadi rujukan serta warisan negara. Apa


yang penting ialah inti kepada setiap penulisan itu perlulah mempunyai nilai berharga terhadap masyarakat dan negara," katanya.

Beliau turut berkongsi kecintaannya terhadap buku sehingga menganggap buku sebagai perhiasan diri yang terlalu tinggi nilainya. "Banyak duit saya dihabiskan membeli buku, malah saya setiap hari membaca pelbagai jenis buku, baik karya sastera, politik maupun ekonomi," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan berkata, satu ruangan yang dinamakan sebagai Galeri Pak Samad diwujudkan di UniSZA hasil kolaborasi antara universiti itu dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebanyak 100 karya dan catatan atau dokumentasi Dato' Seri A Samad Said ditempatkan di galeri tersebut. Beliau turut menegaskan bahawa galeri tersebut juga sebagai sebahagian pengisian Program Sasterawan di UniSZA yang diharap bakal merintis lebih banyak perkongsian ilmu kesarjanaan beliau bersama mahasiswa dan masyarakat sekitar.

Pelantikan Dato' Seri A Samad Said sebagai Sasterawan di UniSZA adalah sebagai menyahut saranan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik yang menginginkan universiti awam 'menempatkan' Sasterawan Negara di institusi masing-masing bagi menghargai sumbangan golongan itu kepada negara.

Melalui program itu, setiap sasterawan dicadangkan menyumbang kira-kira 10-30 jam setahun bagi menjayakan pelbagai aktiviti yang telah diaturkan di peringkat universiti dan kementerian seperti program Bedah Buku, Sembang Ilmiah dan sebagainya.



Hamka dan Tajdid di Alam Melayu

Pengulas: Hanif Md Lateh, PhD.
Emel: hanifjunid@unisza.edu.my



Wacana merupakan proses perkongsian idea dalam bentuk lisan yang dihadiri oleh para sarjana, pemikir, pelajar dan individu yang berminat dalam sesuatu topik yang diketengahkan. Penganjuran sesebuah wacana adalah untuk menyuburkan pemikiran, mengetengahkan idea dan merungkai sesuatu adalah perkara lazim berlaku dalam kalangan warga akademia. Sehubungan dengan itu, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) dan Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) mengambil insiatif menganjurkan Wacana Peradaban Islam pada 16 April bertempat di Dewan Kuliah Utama, UniSZA Kampus Gong Badak. Wacana ini disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Syed Khairudin Aljunied dari National University of Singapore (NUS). Beliau baru sahaja menamatkan tugas sebagai pemegang *Malaysia Chair of Islam in Southeast Asia*. Walau bagaimanapun, beliau masih meneruskan tugas di tempat yang sama sebagai Felo Kanan iaitu di Georgetown University. Prof. Madya Dr. Syed Khairudin Aljunied juga pernah diundang ke pelbagai negara di serata dunia untuk menyampaikan syarahan berkaitan Islam, Kosmopolitan dan Pemikiran Kontemporari Islam. Pihak pengajur telah memilih beliau sebagai pengucap untuk wacana kali ini berdasarkan pelbagai faktor termasuklah bertitik tolak daripada karyanya yang berjudul *Hamka and Islam: Cosmopolitan Reform in the Malay World* terbitan Cornell University Press. Penganjuran dan kejayaan wacana ini adalah hasil kerjasama daripada jawatankuasa yang diketuai Dr. Nor Salimah Abu Mansor dari Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam selaku Pengarah Program. Wacana ini berlangsung selama tiga jam dan dihadiri seramai 250 orang dari pelbagai latar. Antara tetamu undangan yang hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Dekan FKI, pengurusan universiti, ahli akademik, wakil pertubuhan, peserta agensi luar serta pelajar peringkat pra dan pasca siswazah.

Hamka merupakan akronim kepada Haji Abdul Malik Karim Amrullah yang terkenal dalam sejarah perjuangan Islam di Asia Tenggara. Hampir setiap individu sama ada berposisi sebagai pengkaji, ilmuwan, ahli akademik, pengkaji falsafah mahupun pelajar mengenali nama besar Hamka. Setiap individu akan mempunyai pandangan yang tersendiri jika ditanya mengenai Hamka. Prof. Madya Dr. Syed Khairudin mengenali Hamka melalui satu daripada karyanya yang berjudul *Tasawuf Moden* ketika beliau berusia awal 20-an. Berdasarkan awal perkenalan dengan Hamka melalui *Tasawuf Moden*, keakraban Prof. Madya Dr. Syed Khairudin berterusan sehingga menghasilkan buku tentang Hamka dan pemikiran tajdid beliau. Oleh yang demikian, syarahan yang disampaikan dalam wacana ini berdasarkan dapatan kajian Prof. Madya Dr. Syed Khairudin yang telah dibuku serta diterbitkan. Berasaskan karya ini, terdapat tiga fokus yang dibawa oleh Prof. Madya Dr. Syed Khairudin iaitu berkenaan tajdid dan situasinya di alam Melayu dan pemikiran tajdid Hamka dalam konteks rumpun Melayu.

Pemikiran Hamka berkait dengan sosiobudaya masyarakat yang diperoleh sepanjang hidup beliau. Hamka merupakan anak kelahiran Minang dari Minangkabau atau lebih khususnya di Danau Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia. Beliau dilahirkan pada 16 Februari 1908. Hamka hidup di pelbagai tempat disebabkan pengajian dan kerjaya

sehingga beliau meninggal dunia pada 24 Julai 1981. Sepanjang kehidupan Hamka selama 73 tahun, beliau hidup di tempat berbeza yang dilatari budaya berbilang. Antaranya, beliau pernah berada di Padang Panjang, Bukit Tinggi dan Jakarta. Perbezaan latar yang dialami oleh Hamka menjadikan pemikiran beliau berasaskan lapangan luas yang pernah diharungi dalam kehidupan. Selain itu, keluasan pemikiran beliau dipengaruhi oleh kerjaya beliau sebagai pensyarah, pegawai tinggi agama, wartawan dan editor. Kemampuan menggunakan bahasa Arab dan Inggeris turut membantu perkembangan keintelektualan Hamka.

Pada peringkat awal, harus difahami bahawa usaha Hamka dalam tajdid tidak dimulakan oleh beliau sendiri. Sebaliknya, usaha tajdid ini sudah berlaku lebih seratus tahun sebelum kelahiran Hamka. Hal ini dapat dibuktikan dengan usaha tajdid yang dibuat oleh Hamzah Fansuri dan Nuruddin al-Raniri. Keberadaan semua tokoh ini membuktikan bahawa Hamka ialah penyambung usaha tersebut. Namun, Hamka membawa pendekatan berbeza dalam proses tajdid di alam Melayu. Antara perkara penting yang diutarakan oleh Prof. Madya Dr. Syed Khairudin adalah usaha dan gerakan tajdid yang dibawa oleh golongan intelektual yang disokong oleh golongan marhaen akan meninggikan peluang dalam menjayakan proses tersebut. Selain itu, sokongan dari pihak atasan seperti pemimpin masyarakat, tokoh dari istana dan pihak berkuasa dalam satu kerajaan juga amat penting dalam menjayakan agenda tajdid.

Hamka diklasifikasi oleh Prof. Madya Dr. Syed Khairudin sebagai mualim, mubaligh, mujahid, muslih dan mujtahid. Faktor klasifikasi ini bersandarkan hasil karya Hamka yang mencapai 116 buah buku dan ribuan penerbitan artikel. Penulisan Hamka tidak hanya tertumpu dalam satu bidang, sebaliknya merentasi tafsir, fiqah, sejarah, dan falsafah. Karya Hamka yang sangat mengagumkan adalah *Tafsir al-Azhar*. Karya ini dihasilkan oleh Hamka semasa berada di tirai besi antara Januari 1964 hingga Januari 1967. Sudut yang menjadikan *Tafsir al-Azhar* istimewa adalah kerana metodologi penyusunan, tatacara pentafsiran serta cerakinan dengan peristiwa penting dengan dilatari isu kontemporari.

Pemikiran reformasi Hamka lahir di tengah keadaan masyarakat yang berkecamuk. Masyarakat Melayu pada era 1930-an menerima penjajahan luar sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Keadaan ini mempengaruhi Melayu-Islam dari pelbagai aspek. Oleh itu, muncul aliran yang berbeza dari kelompok Islam untuk mendepani hal ini yang dinamakan sebagai ancaman, penjajahan, dan liberalisme. Kelompok yang muncul untuk menangani hal ini terdiri dalam kalangan aliran Tradisional, aliran Sufi, Salafi dan Reformis Islam. Justeru, pemikiran reformasi Hamka dapatlah dikatakan terbentuk hasil daripada keilmuan, jati diri, perjalanan kehidupan secara peribadi, budaya dan kerjaya.

Berdasarkan keadaan latar yang dihadapi oleh Hamka serta realiti sosio, politik, ekonomi dan budaya masyarakat semasa pada era tersebut, Hamka menjadikan agenda reformasi masyarakat sebagai tujuan utama. Prof. Madya Dr. Syed Khairudin menyebutnya sebagai '*Cosmopolitan Reform*'. Terdapat tiga bentuk '*Cosmopolitan Reform*' iaitu *Talfig*, *Takhrij* dan *Tawazun*.

Talfig yang dimaksudkan oleh Prof. Madya Dr. Syed Khairudin ialah proses menyaring dan mengharmonikan pandangan yang terbaik daripada aliran pemikiran Islam untuk memberikan interpretasi semula yang kontemporari berkenaan Islam. Hal ini didatangkan melalui pemerhatian Hamka ke atas pandangan sarjana Islam terdahulu berasaskan pelbagai aliran pemikiran. Oleh itu, Hamka berpegang bahawa umat Islam tidak sewajarnya berpegang pada satu aliran, bertahan dengan satu kecenderungan atau ideologi. Perkara ini akan mengakibatkan kesempitan dalam pemikiran bahkan akan menjadi halangan untuk bersama dan bersaing dengan bukan Muslim. Selanjutnya, penekanan turut dibuat pada *Takhrij* yang diertikan sebagai pemilihan dan pengasingan secara bijak bersandarkan kepada kerelevan untuk mengambil epistemologi dan idea yang lahir dari Eropah dan juga bukan Muslim. Pandangan ini menunjukkan keterbukaan terhadap idea pembaharuan maupun kritikan Barat ke atas Islam. Gesaan ini juga selaras dengan proses tajdid yang menuntut umat Islam supaya tidak menolak idea Barat secara total sebagaimana yang dipegang sebahagian aliran dalam masyarakat. Seterusnya, pada konteks *Tawazun* pula ialah idea untuk mengimbangi dan mengatasi aliran yang ekstremis, bersifat perkauman, fanatik dan bias gender yang menjadi amalan dalam komuniti Muslim di seluruh dunia. Konteks ini boleh dijelaskan dengan mudah jika melihat keadaan Muslim dalam era yang dilalui oleh Hamka. Walau bagaimanapun, dalam era kontemporari, perkara ini masih berlaku sama ada dalam kalangan komuniti Muslim maupun bukan Muslim. Oleh itu, unsur sebegini perlu dielakkan dalam kalangan komuniti Muslim supaya fokus ke arah peradaban Islam berjaya.

Rumusan wacana ini dibuat oleh Prof. Madya Dr. Syed Khairudin dengan memberi penekanan terhadap kepentingan sejarah sebagaimana yang ditekankan oleh Hamka, iaitu sejarah menjadi alat membentuk minda masyarakat semasa, di samping berfungsi untuk menjelaskan wajah Islam yang sebenar yang sudah disaring dan diklasifikasi sebagai 'sejarah Islam'. Seterusnya, sejarah juga menjadi alat untuk menyedarkan umat Islam tentang masa lalu yang menyaksikan kebangkitan dan kejatuhan. Kesimpulannya, sejarah lalu sepatutnya memberi kesedaran bahawa Islam ialah agama yang inklusif, bersifat kemanusiaan dan kosmopolitan.

Terengganu Darul Iman: Pengantarabangsaan Sebuah Penempatan

Pengulas: Najihah Abdul Wahid, PhD
Emel: anajihah@unisza.edu.my



Sesungguhnya bumi UniSZA sentiasa subur dengan siraman ilmu melalui medium-medium seperti seminar, simposium, wacana intelektual dan pelbagai acara keilmuan. Ia sinonim dengan motto UniSZA sendiri iaitu ‘Ilmu Demi Faedah Insan’.

Keberkatan siraman ilmu ini diserikan lagi dengan satu syarahan perdana pada tanggal Isnin, 25 Mac di Dewan Kuliah Utama, Kampus Gong Badak, UniSZA. Syarahan Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin bertajuk ‘Terengganu Darul Iman: Pengantarabangsaan Sebuah Penempatan’ telah berlangsung selama lebih kurang dua jam. Syarahan perdana ini anjuran Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) berwasilah Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin (KSMZA). Syarahan Perdana KSMZA merupakan program tahunan yang diuruskan oleh INSPIRE sebagai medium penyampaian ilmu melalui pengalaman dan kepakaran Penyandang KSMZA.

Penyandang KSMZA, Prof. Dato’ Mohamad Abu Bakar mendapat pendidikan tingginya di Universiti Malaya (UM) dalam bidang Sejarah sebelum ke Lancaster, United Kingdom dalam bidang politik. Beliau pernah memberi khidmat profesionalnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), International Islamic University Malaysia, penilai pakar, Ahli Majlis Penasihat Pusat Islam Sultan Mahmud, UMT dan Felo Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, UM. Beliau juga pernah memimpin beberapa institusi seperti International and Strategic Studies, Faculty of Arts and Social Sciences dan Ahli Jawatankuasa Kurikulum Institut (JKKI) Institut Asia Eropah (AEI), Universiti Malaya.

Sejarah negeri Terengganu bermula sebagai sebuah komuniti sama ada bernama Primula, Kuala, Dungun dan sebagainya sehingga ia menempah nama sebagai Terengganu Darul Iman pada hari ini. Bermula dengan Batu Bersurat pada kurun ke-14, Terengganu telah disuntik dengan nilai-nilai luar yang menuntut deskripsi pengantarabangsaan Terengganu sejak 700 tahun yang lalu. Sekali gus, ia menuntut deskripsi pengantarabangsaan yang sebenar. Banyak negara yang gagal diantarabangsakan seawal itu seperti Burma atau China dan Jepun disebabkan wilayah-wilayah ini telah memilih dasar isolasi yang memisahkan mereka dari arus perdana semasa ketika itu. Ia berlaku kerana keimbangan pengaruh negatif yang akan mempengaruhi rakyatnya. Oleh tu, China dan Jepun telah bergerak sekian lama dengan pegangan isolasinya semata-mata yang menganggap pihak luar sebagai *Barbarian* yang tidak bertamadun.

Berlatarbelakang ini, ternyata Terengganu telah berinteraksi di peringkat antarabangsa seawal kurun ke-14. Batu Bersurat pada kurun ke-14, dilihat sebagai suatu perlambangan kepada pengantarabangsaan. Ini adalah kerana Terengganu telah mula berada dalam wawasan Langkasuka, Majapahit, Champa yang telah berhubungan dengan Terengganu sebagai sebuah pelabuhan di Kuala Berang ketika itu. Ertinya, nilai-nilai Islamisasi yang terakam dalam batu bersurat membuktikan bahawa masyarakat Terengganu telah membumikan Islam di Terengganu seawal kurun ke-14 yang terlambang dalam inskripsi Batu Bersurat ini hingga ke kurun ke-18.

Beliau seterusnya mengungkapkan, bahawa pada awal kurun ke-18, Terengganu berinteraksi kembali di persada antarabangsa yang menjadikan gandingan ulama dan umara melalui Syarif Muhammad dari Baghdad, yang kemudiannya melahirkan tokoh-tokoh seperti Tok Pulau Manis dengan kearifan lokalnya ‘Hikam’ yang terkenal. Gandingan ulama umara ini memberi nafas baharu dalam pemerintahan negeri Terengganu pada kurun ke-18. Dapat disimpulkan di sini, Terengganu telah diantarabangsakan seawal kurun ke-14 kerana faktor geopolitik dan geostrategik. Terengganu pada waktu itu, telah diantarabangsakan menerusi pertapakan orang luar yang berhijrah untuk mendapatkan ilmu atau disebabkan oleh asakan-asakan yang berlaku di negara asal mereka. Ertinya, Terengganu telah menjadi wadah percambahan ilmu Islam yang pesat ketika itu. Kesultanan Terengganu pada kurun tersebut telah membawa ramai golongan yang menjadikan Terengganu tempat persinggahan antarabangsa seperti Palembang yang pernah singgah di Besut suatu ketika dahulu.

Tambah beliau lagi, dalam arus kemajuan dunia tanpa sempadan, segala maklumat, rencam pemikiran dan gaya hidup global telah diterima sebagai sebahagian norma kehidupan sehari-hari. Dengan itu, ilmu yang holistik seiring kemajuan sains dan teknologi berubah menjadi satu keperluan dan ia perlu dipacu berasaskan iman dan takwa agar seajar dengan paksi-paksi maqasid syariah. Justeru, wawasan ilmu yang holistik memerlukan kupasan dan perbaasan yang mantap agar seiring dengan ledakan sains dan teknologi yang sewajarnya berlandaskan maqasid syariah yang jelas dan tidak tersasar. Oleh itu, wacana seperti ini dengan tokoh bicaranya amat signifikan dalam memberi input minda yang segar dan bermakna.

Hasrat ini lantas digarap oleh Prof. Dato' Mohamad Abu Bakar dalam bait bicaranya bahawa pengantarabangsaan ini merupakan satu usaha untuk memartabatkan sebuah wilayah yang mempunyai ciri antarabangsa dan diiktiraf. Terengganu dahulu dikenali sebagai Darus Salam dan kini Darul Iman mempunyai sejarah agung pengantarabangsaan sejak kurun ke-14 lagi dengan penonjolan Batu Bersurat Terengganu, memiliki keunggulan peradaban berteraskan Islam.

Keunggulan dan keunikan pemerintahan Terengganu terserah melalui Sultan Zainal Abidin I yang dibantu oleh Sharif Mohamad. Era pemerintahan seterusnya digilap dan dimasyurkan dengan Sheikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis). Beliau telah mengangkat pemerintahan yang mempunyai nilai keilmuan yang meluas ke Nusantara menerusi Syarah Kitab Hikamnya pada era tahun 1726-1733. Kegemilangan ini diteruskan sehingga era Sultan Zainal Abidin III, yang diwarnai oleh kehadiran tokoh ulama, Syed Muhamad Mustafa al-Idrus yang kemudiannya melahirkan Tok Ku Tuan Besar dan Tok Ku Paloh.

Dari sini, jelas kelihatan bahawa sejak dari dahulu lagi, sinergi ulama dan umara ini telah mengangkat Terengganu ke persada antarabangsa. Hubungan erat antara tokoh ulama silam dan Kesultanan Terengganu telah mewujudkan keharmonian dalam masyarakat Islam Terengganu yang wajar dicontohi. Keakraban ini telah memartabat Terengganu sebagai negeri tersohor yang menjadi pusat dalam melahirkan ramai tokoh ulama hingga ke hari ini. Tokoh-tokoh silam yang banyak mengukuhkan lagi sentimen keislaman Terengganu seperti Syeikh Abdullah bin Abd Aziz (Tok Pelam), Tok Pulau Manis, Syeikh Abd Qadir Bukit Bayas, Tok Ku Tuan Besar, Tok Ku Melaka, Tok Ku Paloh dan lain-lain menjadi sebutan hingga ke hari ini. Mereka bukan sahaja dijadikan bahan kajian akademik dalam kajian manuskrip, malahan keakraban ulama dan umara dalam menerajui kepimpinan negeri Terengganu menjadi sinergi utama kemakmuran negeri Terengganu.

Terengganu yang panjangnya 240km di persisiran pantai, telah menjadi pusat kunjungan dan penempatan pelbagai rasa dan usul, yang menjadikan ia begitu unik dengan kekuatan Islam dengan kemantapan pemerintah untuk memakmurkan lagi negeri ini. Ulama-ulama Terengganu, di samping menjadi penasihat sultan dan mufti negeri, turut menjadi pakar rujuk dalam pelbagai permasalahan umat di Alam Melayu dan Nusantara.

Beliau mengharapkan Terengganu bergerak ke hadapan tanpa ada gangguan program yang sia-sia, polisi pemerintahan yang mapan dan penghasilan kelompok individu hebat khususnya dari UniSZA yang mampu membangunkan rakyat Terengganu menjadi bangsa hebat yang memacu kepada kemakmuran negeri ini.

Wacana ini telah memberikan satu inspirasi untuk UniSZA bergerak lebih pesat untuk merancakkan lagi proses membina insan-insan yang berpotensi besar bagi menyumbang kepada sebahagian daripada kemakmuran negeri Terengganu.

Alumni Career Talk Bersama Saudara Mohd Izzam Mohd Khazar

Program *Alumni Career Talk* telah dijalankan sebagai satu usaha untuk mendedahkan pelajar dengan prospek kerjaya dalam bidang kewangan Islam, menambah peratusan libat sama industri berorientasikan Islam dan mengetengahkan bidang perundungan dan kewangan dalam pembangunan kerjaya pelajar. Program yang telah dijalankan pada 24 Mac di Dewan Perdana UniSZA juga diadakan untuk mewujudkan kerjasama yang lebih akrab dengan industri sesuai dengan keperluan audit *Quacquarelli Symonds (QS) Stars University Rating* dan meningkatkan peratusan kebolehpasaran graduan UniSZA bagi tahun 2019.

Program ini dikendalikan oleh Pengarah, Pusat Kajian Syariah, Maybank Islamik, Saudara Mohd Izzam Mohd Khazar, yang merupakan Alumni Diploma Pengajian Islam Syariah KUSZA tahun 2002. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang alam kerjaya setelah menamatkan pengajian. Antara bidang yang diberi penekanan melalui program ini adalah mengenai bidang kewangan Islam dan pentadbiran kehakiman. Kedua-dua bidang ini cukup penting dan memberi impak yang agak signifikan terhadap perkembangan terbaru industri masa kini. Ia juga merupakan antara bidang yang mempunyai potensi besar untuk diterokai dan diceburi oleh para graduan. Malah bidang ini boleh diceburi oleh para graduan daripada tiga latar bidang pengajian yang berbeza, iaitu pengajian Islam, undang-undang dan kewangan.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar dengan penyertaan seramai 200 orang daripada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Program ini diakhiri dengan sesi soal jawab antara penceramah dengan pelajar. Program ini diharapkan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar sebelum memasuki alam kerjaya.



Dialog bersama Profesor Adjung UniSZA



Penganjuran program ‘*Professional Talk*’ dan dialog bersama Profesor Adjung, Dato’ Mohamat Muda merupakan salah satu aktiviti utama dalam perancangan kerja beliau sebagai Profesor Adjung di Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM). Program ini diadakan pada 25 Februari di UniSZA, Kampus Besut. Dato’ Mohamat Muda merupakan bekas CEO TDM Berhad, sebuah anak syarikat milik kerajaan negeri Terengganu yang mempelopori perusahaan kelapa sawit. Sesi bersama Dato’ Mohamat Muda ini terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi perkongsian peluang kerjaya bersama pelajar dan sesi dialog bersama staf akademik FBIM. Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan bimbingan kepada pelajar Program Sarjana Muda (SM) Bioteknologi Pertanian dan Perniagaantani sebagai persediaan memasuki alam kerjaya. Sesi perbincangan meja bulat bersama staf akademik fakulti pula diadakan bertujuan untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada pembangunan staf akademik.

Sesi pertama ialah ceramah beliau kepada pelajar yang meliputi perkongsian pengalaman beliau selama lebih 40 tahun dalam bidang pertanian dan perlادangan terutama ketika berkhidmat dengan RISDA dan TDM Berhad. Beliau juga telah membuat analisis dan perbandingan keperluan pekerjaan antara sektor kerajaan (RISDA) dengan swasta (TDM Berhad). Selain itu, beliau juga memberi nasihat dan bimbingan dari sudut keperluan industri semasa bagi menyediakan para graduan yang berkarsma dalam kerjaya atau menjadi usahawan. Beliau juga banyak memberi tip kepada pelajar cara untuk memohon kerja dan ketika menghadiri temuduga.

Sesi kedua iaitu dialog dan perbincangan bersama staf akademik Pusat Pengajian Sains Pertanian dan Bioteknologi.

Sesi ini menjurus kepada perkongsian pengalaman beliau dalam bidang pertanian dan perlادangan. Beliau juga telah memberi pandangan terhadap pembangunan dan perkembangan kurikulum program SM Bioteknologi Pertanian dan SM Perniagaantani. Selain itu, perkara berkaitan jaringan industri dan penyelidikan turut dibincangkan.

Kesimpulannya, program ini telah membantu pihak FBIM untuk merealisasikan pembangunan penyelidikan dan akademik yang berteraskan pertanian dalam menempuh era kemajuan dan globalisasi.



FBIM Anjur

Sesi Perkongsian Inovasi dan Kreatif dalam PdP

Globalisasi dan revolusi teknologi maklumat telah membuka banyak ruang untuk perkembangan inovasi. Maka, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) mengambil inisiatif menganjurkan Sesi Perkongsian Ilmu Pembelajaran Inovasi bersama Prof. Madya Dr Faridah Mohamad pada 21 Mac di Ruang Pembelajaran Interaktif, Kampus Besut yang disertai oleh 21 orang pensyarah FBIM. Penganjuran ini bertujuan memantap dan mengintegrasikan elemen teknologi dalam inovasi pembelajaran abad ke-21.

Sesi perkongsian ilmu pembelajaran inovasi juga adalah untuk merealisasikan budaya kerja berteraskan ciri inovatif dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), melahirkan warga akademik yang berkebolehan dalam menghasilkan media pengajaran yang berkesan, mengintegrasikan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi dalam PdP serta memiliki pengetahuan tentang teknologi, pedagogi dan kandungan dalam bidang yang diajar.

Sesi perkongsian ilmu juga merangkumi topik pengalaman kejayaan beliau dalam memenangi Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia, Reka Bentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif Tahun 2018: Anugerah Pengajaran Transformatif: Tanpa Syarahan. Sesi perkongsian bersama staf akademik ini dapat memberi nilai tambah dalam kaedah PdP serta mengubah suai pendekatan pengajaran oleh warga FBIM.

Terdapat pelbagai cara yang kreatif dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan untuk menarik minat pelajar mendalamai ilmu yang dipelajari. Kaedah yang digunakan harus berubah mengikut masa, tempat dan kategori pelajar yang diajar.





Hari Kesedaran Kerjaya dan Keusahawanan Bersama *Protégé 2019*

Isu pengangguran pelajar lepasan pengajian tinggi sudah tidak asing lagi kepada Universiti Awam termasuk UniSZA. Malah saban tahun, statistik menunjukkan peningkatan jumlah pengangguran masih meningkat. Pelbagai persediaan perlu dilakukan oleh graduan UniSZA agar mereka tidak tergolong dalam statistik ini. Pendedahan tentang kesedaran, maklumat dunia pekerjaan, juga peluang mencipta pekerjaan serta saluran yang boleh membantu siswazah perlu dimantapkan semasa tahun pertama pengajian lagi.

Menyedari tentang cabaran ini, Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT) telah

menganjurkan Hari Kesedaran Kerjaya & Keusahawanan Bersama *Protégé 2019* pada 18 April. Program ini bertujuan membentuk dan membimbing para pelajar dengan kerjasama pakar industri dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan (*job creators*) yang kompetitif dan bersedia ke pasaran global serta pencari kerja (*job seekers*) yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri semasa.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang realiti pasaran pekerjaan dan keusahawanan yang kompetitif pada waktu sekarang. Selain itu, program ini juga bertujuan memperkasakan ketrampilan pelajar secara holistik berkaitan kesediaan berkerjaya dan menyertai bidang keusahawanan mahasiswa. Melalui program ini juga, para pelajar dapat meningkatkan interaksi dua hala dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan melalui *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (Protégé)* dan menjalin kerjasama antara UniSZA dengan *Protégé*.

Protégé telah berbesar hati untuk berkongsi kos bagi menjayakan program penting ini. Antara pengisian yang dimuatkan dalam program ini adalah Ceramah Motivasi Usahawan Berjaya, Forum Bersama Agensi MED yang melibatkan SME Bank – CEDAR, SME Crop, TEKUN NASIONAL, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Institut Kemahiran Koperasi Malaysia, Ceramah Motivasi Pembangunan Kendiri dan Sembang Santai Alumni bersama Encik Sufian Suhaimi. Encik Sufian Suhaimi merupakan alumni UniSZA, berasa bangga terpilih dan dapat memberikan sumbangan balas kepada UniSZA.

Program ini telah dihadiri oleh 600 orang pelajar, yang sebahagian besarnya membabitkan pelajar dari UniSZA, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Kolej Universiti Bestari. Ia berlangsung di Dewan Al-Muktafi Billah Shah (DABS), Kampus Gong Badak, UniSZA. Antara pengisian program ialah para pelajar didedahkan dengan cabaran yang bakal mereka hadapi selepas tamat pengajian, cadangan dan peluang yang tersedia dalam pasaran untuk diterokai. Tujuannya adalah untuk mengekang para pelajar daripada menganggur dan gagal untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian.

Ketua Sekretariat *Protégé*, Puan Norashikin Ismail menyatakan solusi kepada isu ini semasa ucapan aluan beliau sempena majlis perasmian. Menurut beliau, “Peluang pekerjaan semakin berkurang bermula awal tahun 2019 dan fenomena ini turut dihadapi di peringkat global. Usah menangis jika anda masih lagi menganggur dan cubalah menjadi usahawan.”

Prof. Madya Dr Mohamad Afandi Salleh, Timbalan Naib Canselor, HEPA UniSZA selaku perasmi program ini pula berkata, “Cabaran ini sememangnya membimbangkan, namun saya percaya bahawa terdapat pelbagai alternatif yang boleh dilakukan agar setiap daripada anda akan memperoleh atau mempunyai pekerjaan. Apa yang perlu adalah, segala sajian program yang disedaikan oleh universiti mesti digunakan sehabis baik”. Tambahnya lagi, “Kesedaran ini juga perlu dikongsi kepada semua rakan yang lain. Tambah nilai diri anda, maka anda kan mampu menjadi rebutan majikan”.



Kajian Pengesahan Graduan 2017 yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menyaksikan UniSZA memperoleh peratusan kebolehpasaran sebanyak 68.56 peratus. Manakala, bagi tahun 2018 pula UniSZA memperoleh 78.45 peratus. Peningkatan sebanyak 2.7 peratus dari tahun sebelumnya. Justeru, program ini dilihat mampu menjadi jalan keluar kepada peningkatan kebolehpasaran yang lebih baik pada masa akan datang.

FKI

Anjur Program 'Himpunan Mahabbah Bersama Murabbi'



Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA telah mengadakan Program Himpunan Mahabbah Bersama Murabbi Himmah Semester II Sesi 2018/2019 pada 18 April di Dewan Al-Muktafil Billah Shah, Kampus Gong Badak, UniSZA.

Program ini merupakan program yang diinisiatifkan oleh Jawatankuasa Ijazah Dasar, FKI sebagai salah satu program dalam pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik (SPA), yang ditambah baik bermula sesi 2011/2012. Berseuaian dengan nama yang diberikan, iaitu Himpunan Mahabbah bersama Murabbi, program ini diisi dengan slot-slot yang boleh mengukuhkan tautan ukhuwah secara khususnya antara Penasihat Akademik (PA) / mentee dengan mahasiswa dan secara umumnya antara semua staf FKI dengan mahasiswa FKI. Hal ini penting agar suasana mesra, muhibah dan saling memahami dapat diwujudkan dalam kalangan mahasiswa dan universiti.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk memupuk perasaan kasih sayang antara warga pensyarah FKI dengan seluruh mahasiswa FKI. Selain itu, program ini bertujuan meningkatkan kemahiran kendiri dalam diri mahasiswa.

PAKAT Anjur Program Finishing School @ Fakulti



Program *Finishing School @* Fakulti merupakan program persediaan kemuncak kerjaya mahasiswa UniSZA sebelum bergelar graduan. Program ini menekankan aspek persediaan fizikal dan mental mahasiswa tentang cabaran dunia luar dan persiapan rapi dari pelbagai sudut seperti penulisan *resume*, tatacara temuduga, etika pemakaian dan segala yang berkaitan dengan kerjaya. Program *Finishing School @* Fakulti ini merupakan anjuran bersama antara Seksyen Alumni dan Pembangunan Kerjaya, Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT) bersama fakulti di UniSZA. Antara fakulti yang terlibat ialah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG), Fakulti Perubatan (FP) dan Fakulti Sains Kesihatan (FSK). Program ini dilakukan secara berkala mengikut fakulti, kursus pengajian dan pecahan kumpulan yang diagihkan mengikut kumpulan kelas. Penceramah program ini merupakan Pegawai Psikologi Kerjaya, Puan Farah Nurhusna Mohd Zaidi dan Encik Zaliazam Mohamad. Antara pengisian program ialah praktikal menulis *resume* dan ceramah serta demonstrasi tatacara temuduga. Program ini dilihat berupaya menjadi platform kepada mahasiswa untuk meningkatkan keyakinan diri dan aspirasi diri dalam mencapai cita-cita mereka. Berdasarkan tinjauan daripada mahasiswa yang terlibat dalam program *Finishing School @* Fakulti ini, mereka telah memberikan maklum balas yang sangat positif kerana mendapat pendedahan baharu mengenai persediaan kerjaya. Program ini juga diharapkan menjadi program berterusan antara PAKAT bersama fakulti agar dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada semua mahasiswa tahun akhir dalam persediaan awal dunia kerjaya mereka.



INSPIRE

Anjur Wacana Intelek Ketamadunan Islam



Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), UniSZA telah menganjurkan program Wacana Intelek Ketamadunan Islam pada 21 April yang lalu. Program ini telah diadakan di Dewan Kuliah Utama, UniSZA Kampus Gong Badak. Program ini merupakan program tahunan INSPIRE dan dianjurkan sebanyak empat hingga lima siri setahun. Dalam siri kali ini, INSPIRE telah bekerjasama dengan Pejabat Naib Canselor untuk menjayakannya. INSPIRE telah mengalau-alukan kedatangan Pengarah, *International Institute of Islamic Civilization and Malay World (ISTAC)*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar sebagai penceramah jemputan. Tajuk pembentangan beliau ialah ‘Ke Arah Wawasan Ilmu yang Holistik’.

Pemilihan Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar sebagai penceramah bagi siri ini adalah bertepatan dengan tema wacana ini kerana beliau merupakan seorang mantan Ketua Pusat Pengajaran Islam Sultan Omar ‘Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam. Beliau telah menerbitkan 22 buah buku dan lebih 300 artikel mengenai pemikiran dan tamadun Islam, khususnya mengenai falsafah dan sains Islam. Beliau juga berkarya mengenai Islam kontemporari dan dialog antara agama dan tamadun. Selain itu, karya yang dihasilkan oleh beliau banyak diterjemahkan ke dalam bahasa lain. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai penasihat dan perunding kepada pelbagai organisasi dan institusi akademik dan profesional antarabangsa, termasuk UNESCO dan Yayasan Qatar.

Tujuan utama penganjuran program ini adalah mewujudkan platform bagi membincangkan pembangunan modal insan secara holistik. Modal insan yang dibentuk ini akan mampu memenuhi aspirasi negara dalam melahirkan generasi bertaraf dunia yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi tetapi juga fleksibel dan kreatif, serta memiliki etika kerja positif dan nilai-nilai rohani. Penganjuran program ini berupaya mewujudkan kebersamaan semua pihak dan individu dalam kalangan masyarakat Melayu Islam khasnya demi sama-sama membantu dalam melahirkan generasi yang berwawasan dan berilmu tinggi. Selain itu, peserta dapat berkongsi ilmu dan bertukar-tukar pandangan dalam kalangan ahli akademik UniSZA, cendekiawan luar dan organisasi bukan kerajaan yang terlibat sekali gus memberi kefahaman yang nyata terhadap isu dan konflik yang timbul pada masa kini.

Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar menegaskan dalam ucapannya bahawa dalam era globalisasi yang kian berkembang, pelbagai isu akhlak dan moral dalam kalangan masyarakat terjadi dan dipaparkan dalam media massa antaranya jenayah sivil, jenayah syariah, masalah adab serta disiplin dan sebagainya. Situasi ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu yang holistik dalam pembinaan modal insan yang cemerlang. Ilmu yang holistik bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja, malahan ia bertujuan memberikan pandangan secara menyeluruh. Semua pihak perlu memainkan peranan agar penyebaran ilmu dan akhlak yang baik menjadi ikutan dan teladan dalam mendidik masyarakat. Melalui penganjuran program ini, penceramah memaklumkan bahawa institusi seperti sekolah, universiti, pusat keagamaan, serta organisasi awam dan swasta merupakan pemangkin utama dalam mendidik masyarakat melalui program-program seperti kursus akhlak terpuji, pertandingan debat dan sebagainya. Perubahan dan penerimaan ilmu serta sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran yang holistik mampu memberi inspirasi kepada keluarga di rumah, warga pendidik di sekolah dan universiti seterusnya melahirkan insan berwawasan yang berdaya maju.

Seramai 300 orang peserta telah terlibat menjayakan program kali ini merangkumi kakitangan dan pelajar UniSZA, agensi luar serta organisasi bukan kerajaan yang berkaitan di Terengganu. Program ini dimulai dengan ucapan aluan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. Dalam ucapan beliau, Naib Canselor berharap pihak penganjur dapat terus memperbanyakkan penganjuran program ilmiah sebegini kerana ia sangat bermanfaat untuk dibincangkan bagi memantapkan kualiti ilmu dalam kalangan orang Melayu dan Islam.

Perpaduan Kaum

Kunci Negara Membangun

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEPA) dengan kerjasama Pusat Pengajian Teras (PPT) dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah menganjurkan Wacana Murabbi: Perpaduan dalam Masyarakat Majmuk bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak.

Wacana yang diadakan pada 20 Februari itu dihadiri oleh hampir 1,000 pelajar dari Kampus Gong Badak dan Besut yang mengambil mata pelajaran Pengajian Umum Universiti (MPU) iaitu Asas Pembudayaan Keusahawanan, Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan Tamadun Asia serta Moral dan Etika.

Mereka didedahkan dengan ilmu pengetahuan berkaitan kesedaran kepentingan perpaduan dalam masyarakat majmuk di Malaysia dan dapat membimbing serta membentuk pelajar menjadi generasi rabbani serta memperkasakan insaniah dalam kalangan mereka.

Wacana kali ini menjemput Yang Dipertua, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Haji Nik Omar Nik Aziz sebagai penceramah. Beliau yang berpengalaman menyampaikan dakwah telah mengupas isu-isu semasa berkaitan golongan liberal dan peranan pelajar dalam menangani isu tersebut. Beliau juga memberi penekanan kepada kepentingan perpaduan kaum kerana ia merupakan kunci kepada pembangunan negara untuk terus maju pada masa hadapan. Majlis ini juga dihadiri oleh beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO).



Program *Job Hunting* Bersama *LinkedIn* dan *Jobs Malaysia*



Program *Job Hunting* bersama *LinkedIn* dan *Jobs Malaysia* merupakan program yang memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pekerjaan melalui media sosial dan agensi pekerjaan. Ia merupakan platform yang sedang pesat membangun dan digunakan oleh kebanyakan majikan dalam mengiklankan jawatan kosong.

Berdasarkan senario semasa kini, medium sosial media dan dalam talian dilihat sebagai satu keperluan kepada pelajar bagi melahirkan graduan yang berkebolehpasaran. Program *Job Hunting* ini merupakan program anjuran Seksyen Alumni dan Pembangunan Kerjaya, Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT).

Seramai 87 orang pelajar UniSZA telah mengikuti program ini yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kursus pengajian. Program ini diadakan pada 23 April di Bilik Seminar Unit Kaunseling, HEPA UniSZA.

Bagi memastikan program ini mencapai objektif, penceramah luar telah dijemput iaitu Encik Selvan Adinarayanan dari *Inspire People Ventures* dan Encik Rosli Zakaria dari *Jobs Malaysia*. Encik Selvan berkongsi tentang cara-cara menggunakan *LinkedIn* dalam mendapatkan tawaran kerja daripada majikan. Beliau turut mengajar pelajar cara membuat akaun yang gempak dalam memastikan majikan tertarik untuk menghubungi bakal pekerja dalam menawarkan pekerjaan. Manakala, Encik Rosli pula lebih memfokuskan kepada cara mencari pekerjaan melalui *Jobs Malaysia*. Semua pengisian program ini telah dirangka dengan teliti bagi memastikan mencapai objektif penganjurannya.

Dalam ucapan Encik Selvan, zaman kini bukan sahaja pekerja mencari pekerjaan tetapi majikan turut mencari pekerja yang terbaik untuk syarikat mereka. Beliau berkata, "Pastikan anda sentiasa mengemas kini tentang penggunaan media sosial dalam mencari pekerjaan jika tidak mahu ketinggalan zaman. Banyak peluang pekerjaan terbentang luas untuk anda tetapi anda harus pandai mencari. Gunakan media sosial dengan sebaiknya."

Rata-rata peserta program ini memberikan maklum balas yang sangat positif dan program ini memberi impak besar kepada semua peserta dari segi pencarian kerja melalui media sosial. Program ini diharap mampu membuka mata pelajar dan memberi celik akal dalam isu mencari pekerjaan yang semakin mengikut peredaran zaman.

Program Bersama Naib Canselor dan Agihan Makanan Percuma Kepada Pelajar



Pada 21 Februari, Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan telah mengadakan lawatan secara rasmi ke Kampus Besut. Ia merupakan lawatan sulung beliau setelah dilantik sebagai Naib Canselor Keempat. Program ini bertujuan untuk melihat sekitar kampus dan beramah mesra dengan semua staf serta mengagihkan makanan percuma kepada pelajar. Program ini diadakan di Dewan Auditorium Blok D, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) yang dihadiri oleh semua staf akademik dan pentadbiran, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta Majlis Kolej Kediaman (MKK) Kampus Besut. Pengarah Kampus, Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman telah memulakan majlis dengan ucapan aluan dan taklimat ringkas berkaitan

kampus. Perkara yang disentuh ialah isu-isu pembangunan dan hala tuju Kampus Besut untuk muncul sebagai ‘Smart Campus’. Dalam pada itu, tiga aplikasi sedang dibangunkan termasuk Aplikasi *Uni-bus*, Aplikasi *Kiosk Digital* dan *Promo Video Kampus Besut*.

Majlis diteruskan dengan ucapan Naib Canselor serta sesi soal jawab bersama warga kampus. Naib Canselor menyampaikan pesanan kepada warga kampus agar sentiasa menjaga akhlak dan mengutamakan aspek kerohanian dalam kalangan pelajar. Beliau menegaskan bahawa kemajuan dalam pendidikan perlu seiring dengan kemajuan insaniah.

Kemuncak daripada program ini ialah perasmian majlis agihan makanan percuma kepada pelajar Kampus Besut. Naib Canselor berkesempatan mengagihkan 500 paket makanan dan minuman kepada pelajar-pelajar FIK dan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) di Foyer FIK. Majlis diakhiri dengan lawatan Naib Canselor ke UniSZA Digital Hub dan sekitar kampus.

Rentetan daripada program agihan makanan percuma kepada pelajar Kampus Besut, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam juga telah mengadakan program ‘*We Care We Share*’ dalam beberapa siri pada tahun 2019. Ia bertujuan mengagihkan makanan percuma kepada semua mahasiswa FKI. Program ini telah dilancarkan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), FKI iaitu Dr. Jamalluddin Hashim. Pengagihan makanan percuma ini menggunakan sepenuhnya hasil sumbangan staf FKI dan sebahagian daripada sumbangan luar yang menyaksikan sebanyak 500 paket makanan telah diberikan kepada pelajar.

Di samping itu, FBIM turut memenuhi tanggungjawab sosial dengan mengadakan program Santuni Ramadan pada 14 Mei dalam kalangan pelajar FBIM. Mereka diberikan pek berbuka puasa berupa bubur lambuk, kari ayam, pengat labu dan nekbat hasil masakan staf. Aktiviti memasak bermula seawal jam 9.00 pagi yang disertai oleh staf FBIM dan Fakulti Farmasi secara bergotong royong menyediakan bahan masakan.

Aktiviti dan program seperti ini wajar diadakan pada setiap tahun terutamanya pada bulan Ramadan. Selain daripada semangat tolong-menolong dan manifestasi keperihatinan staf UniSZA kepada pelajar, ia juga dapat memperkuatkannya ukhuwah dalam kalangan mereka. Pemberian makanan tradisi masyarakat Terengganu kepada pelajar juga dapat memperkenalkan budaya setempat kepada mereka yang datang dari pelbagai negeri dan latar belakang.



Program Flagship Keusahawanan

Karnival Siswapreneur@UniSZA Sem 2 2018/2019 Siri III

Pada 30 April, Pusat Pengajian Teras dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor, Fakulti Ekonomi & Sains Pengurusan (FESP) dan Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Industri telah mengadakan Program Flagship Keusahawanan: Karnival Siswapreneur@UniSZA Sem 2 2018/2019 Siri III. Program ini disertai oleh 651 orang mahasiswa yang mengambil subjek Asas Pembudayaan Keusahawanan (MPU 32092).

Program Flagship Keusahawanan: Karnival Siswapreneur@UniSZA 2018 Siri II merupakan inisiatif UniSZA bagi memastikan mahasiswa kursus MPU 32092 mendapat kesedaran dan pengalaman pembelajaran keusahawanan semasa pengajian di universiti. Program yang melibatkan pihak industri dengan mahasiswa adalah untuk mewujudkan jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak bagi meningkatkan kemahiran mahasiswa dalam bidang keusahawanan. Program yang berkonsepkan '*experiential learning*' merupakan modul baharu yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2017.

Perasmian Karnival Siswapreneur@UniSZA kali ini oleh Pengarah Pusat Pengajian Teras, Prof. Madya Dr. Norizan Abdul Ghani. Setelah itu, semua tetamu dibawa melawat ke gerai jualan di Dewan Al-Muktafi Billah Shah. Manakala, pentaksiran mahasiswa melalui pembentangan poster Rancangan Perniagaan dimulakan di Dewan Perdana.

Pelbagai produk seperti barang makanan (Sushi Lekor, Paratha Wrap, Aiskrim Detox, Dado-Dado Chicken, Aiskrim Goreng, Popia Udang dan lain-lain), minuman (Wikitea, Royal Lemonade, Galaxy Juice dan lain-lain), pakaian (mini skirt dan barang *preloved*), kraftangan (produk tempurung, batik, *felt* dan lampu tidur), servis (solekan dan kios foto). Seramai 87 kumpulan yang membentangkan poster rancangan perniagaan dan dinilai oleh tujuh ahli panel. Ahli panel terdiri daripada Encik Muhamad Syamierul Ab Rashid (Msr Garden); Encik Tajul Arifin Mohd Rashid (Seameq Keropok); Puan Suzana Mohamed Salleh (Ziq Bakery & Cake); Encik Muhammad Ziyad Yazid (Get Move Sdn. Bhd); Dr Akbar Ali Abd Kadir (UMT); En. Armie Zaiful Shahzanie Mohamad (Sandwich); dan Puan Noriyati Mohd Said (FAMA, Terengganu).

Program ini menghasilkan pelbagai impak. Antaranya memberi pendedahan kepada para mahasiswa untuk menyiapkan diri secara holistik, meningkatkan peluang mahasiswa untuk memulakan langkah sebagai usahawan siswa, mengkomersialkan produk dan mewujudkan ekosistem '*experiential learning*' untuk mahasiswa yang mengambil kursus MPU 32092 berdasarkan modul yang dilancarkan oleh KPT.

Dengan adanya karnival seperti ini, UniSZA boleh menjadikannya sebagai satu titik tolak dalam meningkatkan keterlibatan mahasiswa dalam pengalaman pembelajaran bermakna dari aspek kognitif, tingkah laku dan/atau afektif. Tambahan pula, ia dapat memberi pengalaman berminggu, malahan mahasiswa turut menimba sedikit pengetahuan dalam perniagaan.



Program Munaqasyah Ilmu Pengurusan Wakaf Pendidikan



Program Munaqasyah Ilmu Pengurusan Wakaf Pendidikan telah diadakan pada 4 April bertempat di Dewan Perdana UniSZA. Program ini merupakan kerjasama antara Pejabat Wakaf dan Endowmen UniSZA (WAKAF) dengan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Program ini berjaya mengumpul seramai 583 peserta yang terdiri daripada kakitangan UniSZA, kakitangan pengurusan universiti awam dan swasta, kakitangan pengurusan sekolah menengah dan rendah, Yayasan Terengganu serta Pengurusan Pondok dan Tahfiz di daerah Kuala Nerus dan Kuala Terengganu.



Antara perkara yang dikupas oleh Mufti Negeri Terengganu ialah isu-isu terpilih pengurusan wakaf pendidikan. Manakala, Dato' Wan Ismail Wan Yusoh pula banyak membincangkan tentang pengumpulan dana Wakaf Pendidikan dari sudut isu dan cabaran. Beliau merupakan individu yang bertanggungjawab mengumpul dana untuk Pejabat Wakaf dan Endowmen UniSZA sejak penubuhannya pada tahun 2016.

Program ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. Beliau turut melancarkan Sistem Pendaftaran Aset Wakaf atau SPA@Wakaf UniSZA dalam majlis ini. Sistem ini membolehkan pihak pemegang amanah wakaf menjelajah aset wakaf dengan mudah dan sistematis. UniSZA merupakan universiti awam pertama yang memperkenalkan sistem ini. Di samping itu, Bank Islam turut menyumbang RM100,000 kepada Dana Wakaf UniSZA dalam program tersebut.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pihak yang terbabit berkenaan isu-isu semasa dalam pengurusan wakaf pendidikan. Ini dapat memberi pendedahan kepada peserta tentang pentingnya wakaf tunai. Pada masa yang sama peserta juga didedahkan dengan cara-cara untuk mendapatkan dana bagi wakaf pendidikan ini.

Tokoh yang dijemput kali ini ialah Mufti Negeri Terengganu, S.S Dato' Dr. Zulkifli Muda dan Pengerusi Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan Dana Wakaf UniSZA, Dato' Wan Ismail Wan Yusoh. Beliau merupakan bekas penasihat pelaburan Bank Islam dan mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang perbankan di Malaysia.



Program *Career Nurturing Expert Talent (NEXT)* merupakan platform analisis modal insan negara yang menilai kerjaya dan nilai peribadi, minat serta keutamaan individu menerusi sistem profil modal insan (profiling pelajar). Program ini berupaya merangka satu pangkalan data bekalan tenaga kerja Malaysia bagi memenuhi permintaan pasaran yang kian berkembang.

Program ini merupakan anjuran Seksyen Alumni dan Pembangunan Kerjaya dari Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT) UniSZA. Penggunaan profiling *NEXT* di UniSZA merupakan kali pertama digunakan pada 19 Februari - 23 April di Makmal Komputer AQEL. Program ini melibatkan 608 pelajar UniSZA dari lapan fakulti.

Program ini merupakan inisiatif Seksyen Alumni dan Pembangunan Kerjaya dalam menilai mahasiswa UniSZA terutama dalam aspek kerjaya dan nilai peribadi, minat serta keutamaan individu menerusi sistem profil modal insan. Selain itu, program ini membantu mahasiswa melihat kecenderungan dan kelebihan diri dalam pelbagai aspek. Bagi kepentingan UniSZA, ia dapat membantu dalam meningkatkan kebolehpasaran (GE) UniSZA apabila mahasiswa tersebut mengetahui arah kecenderungan kerjayanya. Seterusnya, ia menjadi platform kepada pelajar UniSZA dalam mengenali potensi mereka bagi mengubah masa hadapan masyarakat dan ke arah yang lebih baik dengan idea dan nilai-nilai peribadi mereka yang selari dengan aspirasi negara.

Hasil daripada program *NEXT* ini, seramai 608 pelajar dari lapan fakulti telah menjawab inventori kerjaya ini. Responden *NEXT* terdiri daripada 74.7 peratus pelajar perempuan dan 21.2 peratus pula adalah pelajar lelaki. Berdasarkan data *NEXT*, majoriti pelajar UniSZA lebih cenderung kepada kerjaya dalam bidang komuniti dan sosial iaitu sebanyak 62 peratus. Kedua tertinggi ialah perniagaan dan operasi kewangan iaitu sebanyak 13 peratus. Manakala, paling rendah ialah bahagian pemasaran iaitu sebanyak satu peratus. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar UniSZA lebih menjurus kepada kerjaya yang berbentuk komunikasi dan sosial berbanding bekerja dengan pekerjaan yang melibatkan instrumen dan pemasaran.

Program ini berjalan selama empat bulan. Dapat dirumuskan bahawa program ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektif. Ia membantu pelajar UniSZA untuk mengenali diri dengan lebih baik dan mengetahui arah minat mereka. Maka, mereka tidak perlu mencari kerja semata-mata mengikut bidang pengajian tetapi boleh bekerja mengikut kebolehan dan minat masing-masing. Menurut beberapa pelajar yang mengikuti program ini, mereka menyatakan bahawa program ini sangat bagus dan perlu diteruskan kepada pelajar yang lain terutama pelajar tahun pertama agar mereka lebih mengenali diri masing-masing dan mengetahui bidang kerjaya yang sesuai dengan mereka.

Program ini membantu pelajar mengenali personaliti kerjaya mereka dari awal semester dan memberi impak yang baik dalam kebolehpasaran graduan di UniSZA serta meningkat mutu graduan Malaysia.

Program **NEXT** Bersama Mahasiswa UniSZA



Syarahan Perdana dan Majlis Menandatangani MoU antara UniSZA dengan Kolej Universiti Widad dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu



Penubuhan Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin (KSMZA) telah diluluskan oleh UniSZA pada 30 Oktober 2014 bagi tujuan pencarian dan pengembangan ilmu serta menjadi pemicu kepada penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi dalam bidang yang selaras dengan matlamat penubuhan Kursi. KSMZA yang ditempatkan di Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) membantu aktiviti dalam penyelidikan, pengembangan ilmu, pengajian pascasiswazah dan pembangunan komuniti. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti UniSZA telah berbesar hati melantik Prof. Dato' Dr. Mohamad Abu Bakar sebagai Penyandang KSMZA yang baharu untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa pada 31 Januari 2019 sehingga 30 Januari 2021.

Justeru, INSPIRE telah menganjurkan Syarahan Perdana KSMZA pada 25 Mac di Dewan Kuliah Utama, Kampus Gong Badak. Syarahan Perdana ini merupakan program tahunan yang diuruskan oleh INSPIRE sebagai medium penyampaian ilmu melalui pengalaman dan kepakaran Penyandang KSMZA di samping memperkenalkan penyandang yang baharu dilantik ini kepada UniSZA melalui sesi penyerahan watikah pelantikan yang turut diadakan sempena program tersebut.

Dalam program kali ini, Penyandang KSMZA telah menyampaikan syarahan bertajuk ‘Terengganu Darul Iman: Pengantarabangsaan Sebuah Penempatan’. Tujuan utama tajuk ini dipilih oleh Penyandang KSMZA adalah untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada umum khususnya kakitangan dan pelajar terhadap sejarah penempatan masyarakat di negeri Terengganu Darul Iman. Melalui syarahan ini, para peserta telah dapat menghayati nilai-nilai agama, budaya, perjuangan, kebersamaan, jati diri, inovasi dan tadbir urus yang menjadi asas di sepanjang proses dan evolusi pembangunan peradaban negeri Terengganu Darul Iman.



Turut berlangsung sempena Syarahan Perdana KSMZA ini adalah Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UniSZA dengan Kolej Universiti Widad dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Ia bertujuan memperkuatkannya lagi jalinan kerjasama luar UniSZA melalui INSPIRE dengan beberapa cadangan yang telah dirancang bersama pihak Kolej Universiti Widad dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu yang akan mula dilaksanakan pada tahun ini.

Antara intipati MoU UniSZA bersama Kolej Universiti Widad ialah kerjasama penganjuran program Bicara Akademik dan perkongsian kepakaran dalam penerbitan dan penyelidikan. Kedua-dua pihak bekerjasama dalam program yang dirancang agar dapat menggalakkan lebih ramai penyelidik dan pelajar siswazah bergiat aktif dalam dunia penerbitan dan penyelidikan.

Manakala, intipati MoU UniSZA bersama Lembaga Muzium Negeri Terengganu ialah kerjasama dalam pengajuran persidangan antarabangsa yang dijangka akan diadakan pada bulan Oktober 2019. Persidangan ini menyasarkan penyertaan seramai 100 orang ahli akademik, pelajar serta kakitangan agensi awam dan swasta dari dalam dan luar negara. Selain itu, UniSZA dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu turut bekerjasama dalam menjalankan penyelidikan manuskrip Kesultanan Terengganu dan alam Nusantara serta projek pendigitalan manuskrip yang akan diketuai oleh Timbalan Pengarah INSPIRE, Prof. Madya Dr. Najihah Abd. Wahid. Projek pendigitalan manuskrip tersebut melibatkan dokumentasi dalam bentuk imbasan dan pengkatalogan manuskrip ulama alam Melayu hingga kurun ke-19 serta penubuhan mini arkib manuskrip di UniSZA.



Seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan UniSZA serta agensi luar telah hadir memeriahkan program ini. Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu dan Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Tuan Haji Che Muhamad Azmi Ngah dan Naib Canselor Kolej Universiti Widad, Brig. Gen. (B) Prof. Dato' Dr. Shohaimi Abdullah.

Program *Start Up Lunch N Learn:* Usahawan Kuasai Platform Digital



buah syarikat *Start Up* telah hadir ke program tersebut.

Objektif utama program adalah untuk memberi peluang berkongsi idea, pendapat dan strategi dalam memajukan perniagaan masing-masing. Peranan UDH adalah untuk memberi pendedahan tentang keusahawanan digital yang membolehkan mereka memanfaatkan kuasa platform digital bagi mengembangkan perniagaan selaras dengan agenda IR 4.0. Selain itu, program ini turut mengerakkan hubungan silaturahim antara syarikat-syarikat yang bernaung di bawah UDH.

Antara agenda lain yang turut dibincangkan ialah perancangan dan gerak kerja bersama bagi menyahut cabaran tahun 2019. Antara syarikat yang hadir adalah Ayuh Bina Teknologi; As Syabab Lensa; Tri Cyxclone Teknologi; Raxsoft System Consultant; Mitez Solutions; Thinker Bytes Technology; Code Alchemy Studio; Tri Vortec Technology dan Robopro Solution.

UniSZA Digital Hub (UDH) selaku peneraju Ruang Guna Sama di UniSZA mengambil inisiatif untuk mengadakan program *Start Up Lunch N Learn* bagi mengumpulkan semua syarikat *Start Up* di UDH. Program yang dirancang oleh pihak pengurusan UDH ini akan diadakan secara berkala sepanjang tahun 2019.

Program tersebut telah diadakan pada 31 Januari bertempat di Entre@Lab (aktiviti), UniSZA Digital Hub. Seramai 20 orang peserta yang merupakan pelajar alumni UniSZA terdiri daripada sembilan



UDH

Anjur Bengkel Keusahawanan

Bengkel Keusahawanan UniSZA Digital Hub merupakan program anjuran siri kedua yang telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan UDH. Bengkel ini dianjurkan bagi mencapai objektif untuk membentuk ciri-ciri dan peribadi seorang usahawan yang berjaya dalam diri peserta. Ia juga bertujuan menjadikan para usahawan sebagai usahawan ICT yang berdaya saing seiring dengan cabaran dan agenda IR 4.0. Bengkel yang bertajuk ‘7 Langkah untuk Membina Syarikat Berprestasi Tinggi’ ini telah diadakan pada 28 Februari lalu dengan kehadiran 24 orang peserta yang terdiri daripada Syarikat Start Up UDH dan pelajar Fakulti Informatik dan Komputeran.

Penceramah jemputan ialah Pengarah Pusat Penjanaan Pendapatan dan Pengkomersialan UniSZA, Prof. Madya Dr. Fakhru Anwar Zainol. Beliau berpengalaman luas dalam memberi latihan kepada pengurus dan pemilik syarikat SME untuk membangunkan perniagaan mereka. Matlamat jangka panjang bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang keusahawanan digital yang membolehkan mereka memanfaatkan kuasa platform digital untuk mengembangkan perniagaan.



UniSZA Terima Kunjungan Menteri Belia dan Sukan

Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UniSZA dengan jayanya menganjurkan sesi ‘Town Hall’ YB Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman bersama 2,500 pelajar sekitar Kuala Terengganu serta wakil persatuan dan penggerak belia negeri di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA.

Penganjuran program seperti ini telah memberi pendekatan untuk merapatkan hubungan antara pelajar UniSZA dengan pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Ia menjadi satu jambatan untuk pelajar berkomunikasi serta mendapat idea dan aspirasi daripada pihak KBS secara langsung.

Program ini diisi dengan sesi pembentangan dasar kerajaan terutamanya dasar yang melibatkan orang muda serta belia oleh YB Menteri Belia dan Sukan. Sesi soal jawab bersama YB Menteri turut diadakan. Program sebegini sekali gus memberikan peluang kepada pelajar untuk lebih memahami aspirasi dan dasar kerajaan terutamanya perkara yang melibatkan golongan belia di Malaysia.


Terdahulu, YB Menteri Belia dan Sukan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UniSZA dengan Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri Terengganu bagi mengadakan kerjasama pembangunan atlet di negeri ini.

YB Syed Saddiq menyatakan bahawa MoU itu sangat penting kerana ia berkait rapat dengan kebijakan atlet selaras dengan hasrat kerajaan pusat dan negeri untuk memastikan langkah proaktif dalam menempatkan atlet muda ke universiti. “Kita sasar tahun ini untuk pastikan setiap negeri mempunyai sebuah universiti awam yang akan dijadikan tempat bagi para atlet yang belajar, agar dapat pemindahan kredit kursus, bantuan kewangan melalui biasiswa dan pada masa sama jadual pengajian yang lebih fleksibel” katanya.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato’ Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan serta pengurusan tertinggi UniSZA, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri, YB Wan Sukairi Wan Abdullah dan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi Ismail.



SEJENAK BERSAMA SASTERAWAN NEGARA DATO' SERI A. SAMAD SAID



1. Boleh Dato' Seri ceritakan latar belakang dan bagaimana penglibatan awal dalam bidang sastera?

Saya dilahirkan di Singapura pada tahun 1932. Saya bersekolah di Victoria Singapore dan meneruskan pengajian sehingga ke Senior Cambridge. Selepas tamat pengajian, saya langsung bekerja dengan hospital Singapura. Saya bekerja di sana hanya untuk sementara waktu kerana menunggu mendapat kerja di Utusan Melayu. Sebelum bekerja di Utusan, saya sudahpun datang ke Kuala Lumpur untuk bekerja dengan Ahmad Bustaman. Semasa itu, dia mengeluarkan Mingguan Rakyat dan saya menjadi editor bulanan untuk bahagian Remaja dan Asmara. Saya bekerja di sana tidak lama, iaitu dalam kira-kira dua hingga tiga bulan. Kemudian, saya balik ke Singapura dan diterima masuk bekerja di Utusan Melayu pada tahun 1957 iaitu dalam dua hingga tiga bulan sebelum merdeka. Saya dilantik sebagai Pembantu Editor kepada Dato' Usman Awang yang ketika itu Editor Utusan Zaman. Saya bekerja di Utusan selama sembilan bulan sahaja kerana selepas itu saya menyertai pula The New Straight Times. Saya ditempatkan di bahagian berita Melayu iaitu Berita Harian. Saya bekerja di bahagian Berita Harian cukup lama. Mengenai penglibatan awal saya dalam sastera pula, ia sebenarnya bermula sejak saya berada di sekolah lagi. Ketika itu, saya banyak menulis cerpen dan puisi yang kemudiannya saya hantarkan ke Utusan Zaman. Bermula daripada rentetan itulah, saya terlibat dalam sastera sehingga sekarang.

2. Apakah kaedah yang dilakukan oleh Dato' Seri untuk menghasilkan sebuah karya yang baik dan karya manakah yang paling bermakna buat Dato' Seri?

Pada pandangan saya, karya yang baik terhasil daripada asuhan membaca dan mempelajari hasil-hasil penulisan yang bagus. Semasa saya bersekolah dan sebelum bekerja lagi, saya sudah banyak membaca hasil tulisan daripada penulis di Indonesia, Perancis, Amerika dan Britain. Selain membaca, saya banyak menulis. Daripada situlah, saya dapat menghasilkan karya yang baik. Antara buku Indonesia yang mempengaruhi saya ialah buku hasil karya Achdiat K. Mihardja, Idrus dan Pramoedya Ananta Toer. Buku dari Amerika pula seperti yang ditulis oleh Norman Mailer. Selain itu, karya yang baik haruslah membina pembaca daripada golongan muda dengan baik. Saya mula menulis karya dengan menyasarkan kepada golongan muda iaitu, kanak-kanak dan remaja. Antara novel kanak-kanak yang saya

hasilkan ialah, novel ‘Bendera di atas Bukit’ dan ‘Adik Datang’.

Sukar untuk saya sebutkan karya yang paling bermakna bagi saya sebab semuanya bagus. Bagi pembaca di luar sana, mungkin mereka masing-masing fikir novel saya yang pertama iaitu ‘Salina’, kemudian novel saya ‘Sungai Mengalir Lesu’ dan ‘Di Hadapan Pulau’, manakala drama saya pula ialah ‘Di Mana Bulan Selalu Retak’ dan ‘Wira Bukit’.

3. Apakah pencapaian yang pernah diterima dan tidak boleh dilupakan oleh Dato’ Seri?

Saya fikir pencapaian yang tidak boleh saya lupa ialah apabila novel yang saya tulis diterima dan diberi hadiah penghargaan. Novel saya yang pertama dan selepas itu telah memenangi beberapa hadiah. Saya fikir, saya dapat semua ini kerana saya masuk ke dalam genre yang pelbagai. Saya menulis cerpen, saya menulis puisi, saya menulis rencana, saya menulis novel, dan saya menulis eseи. Kepelbagaiannya ini menjadikan saya mempunyai pembaca yang ramai.

4. Program Sasterawan di Universiti Awam merupakan pendekatan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Apakah peranan dan tanggungjawab yang digembung oleh sasterawan melalui program ini?

Universiti membuka pintunya untuk saya masuk dengan segala keupayaan yang ada pada saya. Bergantung kepada universiti, kalau dia hendak saya bercakap pasal novel boleh, pasal cerpen boleh, tentang drama boleh, tentang puisi boleh, tentang eseи boleh tapi bergantung kepada universiti itu sendiri. Nanti, ada kelompok yang menentukan apa-apa yang harus saya ujarkan. Oleh kerana pengetahuan dan kepakaran saya dalam genre-genre itu, jadi itu yang akan saya ajar kalau diminta untuk mengajar ataupun berceramah. Saya juga barangkali ditempatkan dalam kelompok pemikir di universiti. Bukan saya seorang, akan ada pensyarah-pensyarah. Jadi interaksi itu, saya fikir amat penting dengan golongan ilmuan di universiti.

Saya fikir yang penting, universiti mesti ada kelompok pemikir dan pemikir itu adalah perencana. Dia fikir sahaja buat apa? Tapi fikir untuk merencanakan dan perencanaan itu adalah untuk memajukan masyarakat. Jadi, dia ada kesedaran, dia ada sediakan buku, dia ada jemput orang, baru ilmu pengetahuan itu berinteraksi dengan orang dan baru orang itu akan menjadi pandai.

5. Sastera sebagai wadah khazanah kehidupan masyarakat. Sebagai



seorang yang dijulang sebagai tokoh Sasterawan Negara, bagaimanakah memasyarakatkan ilmu sastera dalam cabaran kehidupan kini dan dijadikan alat yang dapat memberi nilai kepada kehidupan?

Saya menyediakan sahaja. Saya menulis novel, cerpen, drama, eseи, puisi dan dijadikan buku. Buku itu berhubung dengan orang-orang itu sendiri. Kadang-kadang memang saya dijemput untuk berinteraksi tetapi lebih banyak karya yang telah dibukukan itu diedar dalam kalangan umum. Saya fikir sastera adalah sumbangan fikiran dan pengalaman tetapi bagaimana untuk memanfaatkannya bergantung kepada orang yang mendekati sastera itu sendiri. Saya tidaklah seharusnya pergi kepada orang itu dan katakan “itu penting” dan “itu bagus”. Saya sudah menyediakan bahannya, bergantung kepada individu itu untuk mendapatkannya.

6. Apakah pandangan Dato’ Seri tentang persepsi umum yang mengatakan bidang Sastera tiada hala tujuan kerjaya dan diberi tanggapan negatif? Bagaimanakah untuk memperkasakan bidang Sastera supaya seiring dengan bidang profesional yang lain dan dapat menarik minat pelajar untuk menceburi bidang Sastera?

Saya fikir masing-masing mempunyai haknya untuk berkata sedemikian. Ada orang mengatakan kesusasteraan ini tidak dapat memberikan sumbangan hidup. Saya fikir itu pandangan masing-masing sebab kalau kita seorang penulis yang baik dan menghasilkan buku yang bermutu ia akan mempunyai kesan yang baik. Kalau tidak bagaimana saya boleh

hidup? Sebab sekarang ini hasil pencarian saya hanyalah buku sahaja.

Tugas saya menyediakan bahannya sahaja; bagaimana untuk menarik pelajar meminati sastera bergantung kepada guru. Guru boleh mempengaruhi pelajar-pelajarnya dan membimbing mereka untuk bertemu dengan hasil cipta yang baik. Pelajar berhadapan dengan buku dan buku ditulis oleh Sang Penulis. Jadi kalau boleh dapat berhubung dengan Sang Penulis itu jauh lebih baik.

7. Dato' Seri terkenal sebagai pejuang sastera Melayu. Apakah pandangan Dato' Seri terhadap golongan muda khususnya yang berkemahiran dalam bahasa asing? Adakah dengan mempelajari bahasa asing akan mengikis bahasa Melayu atau ia menjadi satu nilai tambah kerana berkebolehan dalam menguasai bahasa asing.

Bahasa itu hanya satu alat. Seseorang boleh belajar bahasa Inggeris dan boleh menjadi seorang yang bodoh dengan tidak membaca buku. Seseorang boleh menjadi orang Melayu yang boleh berbahasa Melayu tetapi tidak membaca buku Melayu itu juga boleh jadi bodoh. Jadi, soalnya itu bukan bahasa, itu soalnya sikap. Bukan soal bahasa tetapi itu soal pemilihan terhadap buku yang kita baca. Kita boleh berbahasa Inggeris dengan baik tapi kalau kita tidak memilih buku Inggeris yang baik kita jadi bodoh juga.

8. Bidang Sastera dalam zaman Revolusi Industri 4.0, adakah mampu menonjolkan dan memperkembangkan sastera atau ia akan menenggelamkan sastera?

Sastera tidak tenggelam, orangnya akan tenggelam sebab Sastera itu sudah berkembang berabad-abad. Orang boleh siapkan buku khazanah yang banyak tetapi kalau kita tidak hendak membaca akan sia-sia juga khazanah itu.



‘Memanusiakan’ Manusia Melalui Ilmu Sastera

Mohd Faradi Mohamed Ghazali
Emel: faradighazali@unisza.edu.my

Pengenalan

Sastera cerminan keperibadian manusia. Menghidangkan teks dengan susunan ayat menerusi kata-kata yang indah, menzahirkan sesuatu dari kepelbagaiannya aspek kehidupan masyarakat dan perspektif jati diri bangsa merupakan fragmen yang terkandung dalam kesusasteraan. Sastera merupakan satu bidang seni kreatif melalui bahasa sebagai medium pengantarnya. Sastera ditandai dengan beberapa unsur khusus yang mampu membentuk tamadun dan peradaban sesuatu masyarakat selain memperlihatkan sikap dan pandangan pengarangnya (Arba' ie 2008). Kesusasteraan amat intim dengan masyarakat kerana merakamkan pelbagai detik pengalaman dan denyut kehidupan segala mikro kosmos yang wujud di dalamnya. Semakin lama, kesusasteraan meninggalkan banyak khazanah yang akhirnya menjadi citra tamadun sesebuah masyarakat. Dalam konteksnya yang lebih besar ialah tamadun sesuatu bangsa (Sahlan Mohd. Saman 2005).

Dalam era globalisasi yang dilalui kini, pengiktirafan bidang sains dan teknologi serta ekonomi sebagai pemacu pembangunan negara seolah-olah telah meminggirkan pemahaman tentang ilmu sastera daripada cabang ilmu yang lain. Bidang sastera dianggap sebagai salah satu alat hiburan dan wadah seniman dalam melempaskan khayalan dan imaginasi. Justeru, apabila pendidikan kesusasteraan diajar di sekolah, ada yang mendakwa mata pelajaran ini hanya sesuai diambil oleh pelajar lemah dan dungu. Nilai kesusasteraan menjadi semakin rendah apabila masyarakat terus menganggap pendidikan kesusasteraan tidak seiring dengan bidang Sains, Matematik, Teknologi dan Ekonomi. Perkara ini sangat bertentangan dengan konsep pemahaman ilmu sastera pada zaman lampau. Para ilmuwan, saintis dan cendekiawan yang lahir sebagai tokoh ilmu yang agung dalam pelbagai bidang, turut menjadikan ilmu sastera sebagai medium pengiktirafan kepada kehidupan mereka. Misalnya, Jose Rizal (1861 – 1896) pejuang kemerdekaan Filipina yang terkenal dengan dua buah novelnya iaitu *Noli Me Tangere* dan *El Filibusterismo* merupakan doktor Pakar Oftalmologi. Jose Rizal merupakan salah seorang daripada beberapa orang sasterawan agung yang tidak lahir sebagai orang sastera sebaliknya menjadikan ilmu sastera sebagai elemen dalam kejayaan kemanusiaannya. Jose Rizal merupakan seorang doktor pakar tetapi jiwa keseniman beliau tidak membataskannya untuk hidup dalam dunia ‘otak kiri’.

Pada masa dahulu, ketika zaman kegemilangan pemikiran Yunani mahupun pada zaman keemasan pemikiran Islam, sastera tidak dilihat sebagai sesuatu yang terpisah daripada sebarang bentuk pemikiran yang bersifat teras kemajuan dan perkembangan masyarakat. Ahli falsafah, golongan karyawan (ahli seni bina, perubatan, guru-guru dan sebagainya), serta tenaga elit yang menggerakkan tamadun Yunani sebahagian besarnya sasterawan ulung. Pada zaman keemasan tamadun Islam pula, Ibnu Sina selain merupakan seorang doktor, ahli falak, dan saintis yang terulung pada zaman itu, beliau juga merupakan ahli sastera yang terkemuka. Begitu juga al-Farabi, saintis politik yang menguasai bukan sahaja sastera malah keilmuan muzik.

Konsep pembangunan boleh dilihat dari pelbagai perspektif ilmu. Umpamanya bagi ahli sosiologi, pembangunan itu ialah perubahan dan kemajuan yang dirancang manusia dalam mengubah persekitarannya yang telah dilalui oleh pelbagai masyarakat pada kadar yang berbeza-beza sejak awal sejarah (Abdul Rahman Embong 2002). Sebelum melakukan perubahan ini, terlebih dahulu perlu menilai tahap kelangsungan sesuatu pembangunan itu yang boleh membawa kebaikan agar mudah diterima oleh individu atau kelompok dalam sesebuah masyarakat tersebut. Menurut Abdul Rahman Embong lagi, penilaian yang dilakukan tidak semata-mata dilihat dari sudut ekonomi atau sains dan teknologinya tetapi juga dilihat dari sudut budaya dan cara hidup. Setiap bidang itu, mempunyai pemahaman dan maksud yang tersendiri. Sebagai contoh dalam bidang sains, teknologi dan ekonomi, mereka hanya melihat pembangunan itu berdasarkan aspek fizikal semata-mata kerana kewujudannya dapat dilihat dengan jelas. Ia berbeza dari aspek ilmu sastera yang dianggap sebagai wadah pembangunan dan menekankan aspek spiritual, iaitu meliputi

pembangunan emosi, pemikiran dan tingkah laku termasuk tutur katanya. Penafsiran ilmu sastera itu dilihat sebagai medan dalam pembentukan nilai kemanusiaan yang unggul.

Pandangan tersebut dapat memberi kefahaman bahawa ilmu sastera berupaya merubah diri manusia daripada berperibadi rendah kepada berperibadi mulia. Hal ini, dianggap telah berlaku proses pembangunan yang positif, iaitu merubah sesuatu keadaan sedia ada kepada yang lebih baik. Ramai sarjana mengakui bahawa membaca karya sastera boleh membangun diri insan, sama ada jiwa atau pemikirannya (Shahnon Ahmad 1991; Teeuw 2003). Hal ini disebabkan karya sastera bukan sahaja merupakan imaginasi penulisnya tetapi secara dalamnya banyak mengandungi fakta sebenar. Fakta tersebut menyerlahkan pelbagai bidang pengetahuan yang boleh dimanfaatkan oleh pembaca untuk dijadikan sebagai bahan renungan. Lihat sahaja pada beberapa karya daripada penulis mapan Malaysia seperti *Ranau Sepanjang Jalan dan Tivi* (Shahnon Ahmad), *Sungai Mengalir Lesu, Salina dan Hujan Pagi* (A. Samad Said), *Seorang Tua di Kaki Gunung dan Harga Sebuah Maruah* (Azizi Haji Abdullah) yang tidak hanya dijulang dalam pengiktirafan penulisan, malah memberi kesan langsung dalam kejayaan pembaca. Natijahnya, karya sastera boleh membantu sifat keinsanan agar mereka sensitif dengan sesuatu perkara yang berlaku di sekeliling. Oleh itu, ilmu kesusasteraan perlu diberikan penekanan yang sama agar pembangunan dan kemajuan yang dicari tidak menjadikan negara sebagai medium ‘pelahiran’ jentera robot yang tidak mempunyai sensitiviti terhadap kehidupan diri dan masyarakat.

Ilmu Sastera Sebagai Pembangunan Manusia

Jika diteliti kehidupan seseorang manusia, ia akan melalui pelbagai tahap pembangunan dalam dirinya. Seseorang bermula daripada bayi, kemudian membesar dan melalui zaman kanak-kanak, dan meningkat kepada fasa remaja. Pembangunan tersebut bukan sahaja boleh dilihat daripada pembesaran tubuh badannya tetapi boleh juga diteliti dari sudut pembangunan kemampuan kognitif iaitu, dari segi bahasa dan pembinaan personalitinya. Oleh itu, bagi menghalusi ukuran ilmu sastera yang berperanan sebagai pembangunkan diri manusia, ia harus diteliti daripada pandangan pengkaji sastera kanak-kanak atau remaja. Menurut Teeuw (2003), peranan ilmu sastera yang memberi penekanan kepada kanak-kanak atau remaja dalam pembangunan manusia dipecahkan kepada tiga bentuk iaitu pembangunan kendiri dan sosial, pembangunan kognitif dan pembangunan kebahasaan.

Pembangunan Kendiri dan Sosial

Pemahaman mengenai ilmu sastera memfokuskan kepada sastera kanak-kanak atau remaja. Dua kelompok ini dilihat sebagai golongan yang mudah menerima dan menyerap segala pemerhatian sekeliling dan pembelajaran sebagai imej pembentukan kendiri. Malah, ia turut memberi sumbangan kepada pembangunan diri dan kehidupan sosial golongan tersebut. Pembangunan pada peringkat ini lebih melibatkan emosi sehingga membolehkan kanak-kanak atau remaja melihat sesuatu dengan rasa simpati dan empati. Sehubungan dengan itu, cerita yang digarap dalam sastera kanak-kanak atau remaja ada hubungan dengan pengalaman mereka membesar. Melalui konteks pembacaan bahan sastera, yang sarat dengan unsur pengajaran dan nasihat, secara tidak langsung mampu memberi pendedahan kepada golongan kanak-kanak atau remaja mengenai nilai-nilai murni, tanggungjawab dan cara membuat keputusan yang dipelajari daripada bahan sastera tersebut.

Interaksi antara pembaca dengan buku kadangkala mampu memberi terapi dan seterusnya memberi respon ke atas karya sastera tersebut. Pada kebiasaannya, kanak-kanak atau remaja dan orang dewasa sekalipun akan merasai sendiri pengalaman yang dilalui oleh watak dalam sebuah karya sastera, malah sedikit sebanyak mempengaruhi emosi dan tingkah laku mereka. Seseorang yang dapat menghayati kandungan kesusasteraan itu dengan pemahaman mendalam atau intrinsik boleh membentuk sikap dan rasa sensitif terhadap peristiwa yang berlaku sehingga mampu menimbulkan keinsafan apabila melihat penderitaan orang lain. Hal ini disebabkan, kesusasteraan itu sering kali memberi gambaran tentang kehidupan manusia dan dunia yang memaparkan masalah dan konflik. Hujah tersebut diperkuahkan lagi dengan petikan daripada buku Teeuw (2003, 195) yang menyatakan tentang pemikiran Aristotles, bahawa seni itu menyucikan jiwa manusia lewat proses yang disebut katarsis (penyucian). Beliau menyebut:

Dengan menimbulkan kekhawatiran dan rasa kasihan dalam hati kita, karya seni memungkinkan kita membebaskan diri daripada nafsu yang rendah: karya seni mempunyai dampak tetapi lewat pemuasan estetika keadaan jiwa dan budi manusia justeru ditingkatkan, dia menjadi budiman.

Melalui kenyataan tersebut, jelaslah bahawa kefahaman karya seni (sastera) berupaya merubah diri manusia daripada peribadi rendah kepada peribadi mulia. Hal ini merupakan proses pembangunan kendiri, sosial dan pemikiran seseorang individu sama ada kanak-kanak, remaja mahupun orang dewasa. Pengajaran daripada ilmu sastera yang dibaca itu mampu dijadikan sebagai panduan hidup untuk membina jati diri agar menjadi manusia yang bermoral.

Pembangunan Kognitif

Ilmu sastera yang didedahkan kepada masyarakat fokusnya kepada sastera kanak-kanak, remaja mahupun belia mampu membuka ruang memperoleh ilmu pengetahuan yang luas. Ia membantu masyarakat mempelajari tentang dunia di sekeliling yang banyak menyediakan informasi bagi meluaskan pemikiran dan secara tidak langsung membantu membangunkan kemampuan daya berfikir.

Kognitif melibatkan satu fungsi minda yang kompleks. Menurut Abd. Fatah Hassan (2001), minda dan jasad manusia bukanlah anatomi seperti otak tetapi sebagai suatu sistem yang penting untuk mengarah dan mengawal otak untuk berfungsi. Setiap manusia mempunyai satu minda sahaja tetapi boleh menjalankan dua fungsi yang berlainan, sama ada ke arah yang positif atau negatif. Jika maklumat yang diterima melalui pancaindera itu berbentuk negatif seperti takut, kepercayaan palsu dan idea yang melemahkan, minda tersebut akan bertindak negatif. Sebaliknya, jika seseorang itu berusaha dan mengawal minda supaya dipenuhi oleh pemikiran positif, maka kesannya adalah positif (Teeuw 2003). Buku atau ilmu sastera yang berfokus kepada kanak-kanak, remaja mahu pun belia penting bagi pembangunan kognitif mereka. Melalui pembacaan bahan-bahan sastera, minda mereka berupaya mengingati semula perkara yang telah dibaca sehingga dewasa, meramal tentang sesuatu yang berlaku dalam plot cerita, membandingkan antara novel dengan novel yang lain dan berfikiran kritis, umpamanya apabila mereka membaca sesebuah cerita, mereka boleh memberi komentar dan analisis sama ada novel itu baik atau sebaliknya.

Keempat-empat unsur di atas merupakan faktor yang boleh membina perkembangan kognitif. Membaca karya sastera dapat membantu mempertingkatkan daya berfikir kerana pendedahan kepadabagai unsur yang mencabar, sama ada plot, watak, perwatakan, struktur ayat dan teknik penceritaan dapat dilakukan. Oleh itu, untuk menghasilkan karya sastera, karyawan memerlukan penggunaan pemikiran yang tinggi agar pembaca mampu memahami sesuatu yang eksplisit mahupun implisit dalam sesuatu cerita.

Pembangunan Kebahasaan

Dengan pembacaan yang luas, seseorang akan memperoleh tapak yang kukuh bagi menambahkan pertambaharaan kata. Setiap kali membaca novel baharu, mereka akan menemui diksi, frasa baharu seperti metafora, personifikasi, hiperbola, simile termasuklah ungkapan yang dizahirkan melalui teknik idiom peribahasa. Walaupun pada hakikatnya pembaca tidak mengenali bentuk frasa seperti itu, namun setelah banyak membaca, secara automatiknya mereka telah didedahkan dengan satu bentuk frasa baharu yang boleh memperkayakan indeks penggunaan bahasa. Proses pengumpulan diksi dan frasa akan terus berlaku melalui pembacaan bahan sastera dan lama-kelamaan mereka berupaya mengaplikasikan pertambaharaan kata atau frasa tersebut dalam pertuturan mahupun penulisan.

Dengan penemuan ungkapan baharu, selain daripada pengajaran yang diperoleh, golongan pembaca akan merasai nikmat setelah usai membaca sesebuah cerita. Sesebuah buku sastera yang mempersonakan akan menjadi ingatan kepada kanak-kanak, remaja dan golongan dewasa. Terdapat juga, dalam kalangan pembaca yang mencatat ungkapan yang indah dan berfalsafah.

Sastera Tradisional Sebagai Lambang Pemikiran Manusia

Sastera tradisional merupakan salah satu daripada komponen kesusasteraan Melayu yang dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu sastera lisan dan sastera prosa. Sastera tradisional Melayu memainkan peranannya dalam memperkasakan bangsa Melayu tentang pemikiran manusia. Menurut Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan (1996), walaupun sastera rakyat berfungsi sebagai alat hiburan masyarakat pemilik dan pendukungnya, tetapi seligam daripada hiburan tersebut terselit juga nilai falsafah. Lantaran itu, mesej didaktik yang diutarakan perlulah ditafsir sebaik mungkin untuk difahami dan dimanfaatkan faedahnya. Antara pemikiran yang sering dititikberatkan oleh orang Melayu dalam kehidupan melalui sastera, adalah konsep budi yang merupakan asas keperibadian insan. Budi bukan sekadar merujuk kepada peribadi sahaja tetapi turut meliputi hubungan sosial manusia. Meneliti dari aspek pantun, elemen budi sering kali dijadikan sebagai tema dalam membentuk nilai kesantunan dan kesopanan kepada pembaca. Pantun yang dikategori sebagai puisi Melayu tradisional yang paling popular dan sering diperkatakan, menjadi satu cerminan yang boleh membayangkan pemikiran budi dan juga mempengaruhi pemikiran manusia. Pantun berikut memperlihatkan semangat budi dan pemikiran manusia.

Kalau menebang si pohon jati,
Papan di Jawa dibelah-belah,
Kalaulah hidup tidak berbudi,
Umpama pokok tidak berbuah.

Bagaimana tidak diikat,
Kain batik sama sujinya,
Bagaimana tidak diingat,
Orang baik bahasa budinya.

(*Kurik Kundi Merah Saga* 1990)

Tema budi ini tidak hanya terbatas dalam pantun sahaja tetapi juga dalam peribahasa yang ditonjolkan seperti berikut:

Yang kurik kundi,
Yang merah saga;
Yang baik budi,
Yang indah bahasa.

Hancur badan dikandung tanah,
Budi baik dikenang juga.

(*Kurik Kundi Merah Saga* 1990)

Ternyata pantun dan peribahasa merupakan cerminan masyarakat Melayu yang sebenar. Ia bukan sahaja menggambarkan sikap dan pendirian orang Melayu, menampilkan kehidupan dan cara hidup orang Melayu tetapi yang lebih pentingnya ada kaitan dengan adab dan minda Melayu daripada gubahan dan pemilihan perbendaharaan kata yang tepat dan indah. Oleh sebab itu, pantun dan peribahasa mampu mempengaruhi semangat dan cara hidup orang Melayu. Seiring dengan perkembangan pantun, peribahasa dan sastera rakyat yang lain, pemikiran manusia juga berkembang dengan unsur budi, berdikari, kasih sayang, kerajinan, keberanian, kejujuran, dan keadilan.

Selain itu, prosa melalui Sastera Hikayat, Sastera Epik, Sastera Panji dan Sastera Sejarah dalam kesusasteraan tradisional Melayu juga memainkan peranan yang penting untuk mengembangkan pemikiran manusia. Beberapa karya kanun dalam kesusasteraan tradisional Melayu berjaya meninggalkan kesan seni, ilmu, falsafah dan nilai budaya serta sosial yang kekal dalam kesedaran. Sebagai contoh, karya Sejarah Melayu atau Sulalatus Salatin, Tajus Salatin, Bustanus Salatin dan Hikayat Hang Tuah semenjak kebangkitan Melaka pada abad ke-15, telah menjadi ciri penting dalam organisasi sosial dan politik Melayu serta menjadi rujukan institusi kesultanan yang melambangkan kemelayuan dan pengiktirafan kuasa politik orang Melayu pada hari ini. Zaman Melaka merupakan zaman yang penting dalam sejarah Melayu kerana Melaka merupakan entiti politik Melayu yang pertama muncul selepas kejatuhan negara lain di Asia Tenggara. Perkara ini secara tidak langsung memberi kebanggaan kepada bangsa Melayu. Oleh sebab itu, manusia akan mencintai dan menghormati tanah air dan sejarah negara itu.

Membangunkan Minda Pelajar Melalui Pendidikan Kesusasteraan

Sastera bukanlah satu mata pelajaran kelas kedua dan hanya sesuai bagi para pelajar yang lemah dalam pembelajaran. Namun, inilah realiti dalam sistem pembelajaran di Malaysia. Mata pelajaran sastera hanya ditawarkan dalam aliran kemanusiaan manakala pelajar dalam aliran sains tidak digalakkan mengambil subjek sastera. Walau bagaimanapun, kekecewaan ini agak terubat apabila pada tahun 2000, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan kesusasteraan Melayu sebagai komponen Bahasa Melayu di sekolah menengah. Guru-guru bahasa dikehendaki mengajar semua genre termasuklah prosa tradisional, puisi tradisional dan moden, novel, cerpen dan drama, dari tingkatan satu ke tingkatan yang lebih tinggi sehingga pelajar menduduki peperiksaan PMR dan SPM. Pelaksanaan ini secara langsung telah mengakui kepentingan kedudukan sastera Melayu sebagai mata pelajaran penting untuk dipelajari (Chew 2006). Komponen Sastera (KOMSAS) menjadi sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu yang wajib dipelajari oleh semua pelajar pelbagai aliran di semua jenis sekolah. Oleh itu, semua pelajar termasuk aliran sains dapat mempelajari asas ilmu sastera.

Meskipun, ilmu seperti sains, matematik dan ekonomi amat penting diajar di sekolah namun, ilmu kesusasteraan perlu diberi perhatian. Ilmu kesusasteraan tidak hanya berkonsepkan hiburan dan imaginasi semat-mata, sebaliknya mampu menjana kreativiti pelajar dan juga membina minda untuk menjadi lebih inovatif dan dinamik. Selain itu, ilmu sastera juga mampu mengimbangi keperluan sahsiah dan emosi para pelajar serta menjadi pemangkin kepada pemantapan jati diri. Faktor ini penting dalam mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan para pelajar yang mempunyai nilai-nilai kemasyarakatan, kemanusiaan, kebudayaan, kecintaan kepada negara dalam satu

wawasan budaya kebangsaan (Naffi Mat 2009, 215).

Di samping kesibukan membangunkan aspek material dan fizikal, pembangunan modal insan amat penting memandangkan pelbagai gejala negatif yang melanda negara ini terutamanya dalam kalangan remaja. Justeru, pendidikan kesusasteraan dilihat mampu membantu menangani gejala ini kerana sastera merupakan wahana paling berkesan dalam membentuk keperibadian, permikiran kritis serta peradaban yang tinggi dalam kalangan generasi muda (Nizal Mohammad 2009, 169). Seperti yang diungkapkan oleh Ibnu Qayyim al-Jauziah, “Siapa yang belajar sastera, maka akan halus hatinya (pekerji)” (Mhd Darwinskyah Purba 2008).

Bertitik tolak daripada pandangan tersebut, dunia sastera sewajarnya dilihat bukan lagi dari sudut jiwa sasteranya yang kecil tetapi daripada pelbagai hala yang berdiri di atas persepsi terbuka. Dunia sastera abad ke-21 harus menerima dengan berani kemasukan ‘suasana’ baharu ke dalam dunianya. Kepantasan pergerakan maklumat akibat keajaiban teknologi maya menjadikan dunia kecil semakin cepat menjadi terkebelakang. Dunia sastera pada akhir abad ke-20 merupakan salah satu daripada dunia kecil tersebut. Apabila memasuki fasa baharu abad ke-21, dunia sastera menjadi kecil dan terkebelakang jika pemahaman tegar terhadap idealisme kesasterawanan terus menjadi pegangan. Kehadiran penulis daripada disiplin di luar sastera bukan sahaja menyerlahkan ilmu kesusasteraan malah harus digamit dan dibawa masuk bagi membentuk sinergi yang akan menjana margin intelektual dalam dunia sastera. Oleh itu, kewujudan kepelbagaian disiplin ilmu dalam dunia sastera bukan sahaja melahirkan revolusi baharu dalam bidang kesusasteraan, malah dapat membuka pandangan masyarakat terhadap pembangunan pemikiran manusia terhadap ilmu sastera. Kepelbagaian disiplin ilmu ini juga mampu memberi peluang kepada khalayak pembaca memahami ilmu lain dengan cara yang lebih mudah setelah mewadahkannya dalam bentuk penulisan kreatif.

Kesimpulan

Aliran kesusasteraan tidak hanya untuk insan yang lemah inteleknya, tetapi ilmu sastera mampu menjana pemikiran manusia menjadi lebih kreatif dan kritis. Karya sastera yang dihasilkan bukan sekadar khayalan kosong semata-mata tetapi mengandungi permikiran dan falsafah yang tersirat terutamanya bagi sesebuah karya agung. Falsafah yang tersirat itu harus dikupas dan diteliti bagi mendapatkan manfaat dan keindahannya untuk diaplikasikan dalam kehidupan manusia pada masa kini. Oleh yang demikian, ilmu kesusasteraan ini tidak boleh dipandang sepi dan dibiarkan sekadar di pinggiran sahaja.

Sesebuah bangsa tidak akan mencapai tamadun yang tinggi jika hanya maju dari aspek luaran sedangkan mentaliti rakyat masih di paras yang rendah. Jiwa dan kerohanian mereka perlu diisi dengan nilai murni yang boleh didapati melalui ilmu kesusasteraan selain ilmu agama sebagai pegangan hidup. Oleh itu, pengisian jiwa ini perlu disematkan bermula dari alam persekolahan lagi, bak kata pepatah ‘melentur buluh biarlah daripada rebungnya’. Nilai murni dan kemasyarakatan yang dipaparkan melalui karya sastera mampu membuatkan manusia lebih sensitif terhadap perkara yang berlaku di sekeliling mereka.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong. 2002. *The New Malay Middle Class and Melayu Baru*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. 1990. *Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chew Fong Peng. 2006. *Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia dan Permasalahannya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Naffi Mat. 2009. Kurikulum Pendidikan Kesusasteraan Melayu: Antara Falsafah, Pengisian dan Harapan. Dlm. Nurazmi Kuntum, Mawar Shafei & Ana Suhana Zainuddin (pnyt.). *Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu X: Kesusasteraan Melayu dalam Rentas-Ilmu*, hlm. 213-220. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nizal Mohammad. 2009. Sastera Melayu: Pelestariannya dalam Dunia Penyiran. Dlm. Nurazmi Kuntum, Mawar Shafei & Ana Suhana Zainuddin (pnyt.). *Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu X: Kesusasteraan Melayu dalam Rentas-Ilmu*, hlm. 167-180. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan. 1996. ‘Pantun budi: Satu analisis nilai.’ Dlm . Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. (pnys). *Pantun: Manifestasi minda masyarakat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Shahnon Ahmad. 1991. *Seni Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teeuw A. 2003. *Sastera dan Ilmu: Pengantar Teori Sastera*. Jakarta: Pustaka Jaya.

English Literary Studies

and Its Role at Preserving the Nation in a 21st Century Setup

Hanita Hanim Ismail

Email: hanitaismail@unisza.edu.my

Despite the presumptuous opinions on the insignificance of English Literary Studies, the area of study surpasses time only indicating its relevance. The study of literature is not new knowledge neither it is obsolete. Oxford University, for example, has produced an orchestra of the world's renown poets, dramatists and novelists since the Victorian period (Evans 2010). An online review on any particular literary text informs a growth in the interest to exhume the dead by criticising literary studies, including analysing its impact on humanity.

Interestingly, literary works also serve as a powerful tool for social change when discussing national growth and talent development. To name its illustrious function, it is worthy to cite history where England was once glorified for its monarchical empire that extended its political influence to the furthest unknown lands during the seventeenth century. Yet, the English soil turned out to be vulnerable when it underwent a state of moral decadence. By the eighteenth century, England was reported to be overcrowded and policing was at its initial stage, causing issues of managing the mob (Beattie 2003). Illustrations by Hogarth (1751) and Robert and Cruishank (1821) provide scenes from the past where babies were tossed to the air by drunkard mothers and fun was sought by pulling pranks on people. Modesty and self-respect was also a factory in the past where viceroy and misconduct are most commonly seen in England that needed a national revamp called the Reformation of Manners (e.g. Hunt 1999). It was literature that brought about this change, motivating the morally-lacking society to improve themselves.

As such, it was not surprising when the Minister of Education, Dr. Maszlee Malik identified reading as a needed strategy in dealing with the contemporary social challenges and equipping the nation towards 2030, as part of his movement of Malaysian *Membaca* (The Reading Malaysian). Reading has been an outlet of the wondering minds which serves as a platform that chances on the opportunity to educate society with good morals. The assignment of local literary laureates such as A. Samad Said and Dato Dr. Zurinah Hassan to be attached with public universities can be considered a twenty-first century version of England's Reformation of Manners where societal malaise and lack of social decorum among Malaysians can be addressed.

While morality is an issue of concern, another seeks out for attention where a common twenty-first century phenomena across the globe indicates serious concerns for the quality of society (e.g. Aschauer 2010). As borders are blurred due to transnationalism and mass migration, nations are challenged with issues on refugee crisis and widespread insecurities, causing some level of radicalisation as seen in America most recently. In an effort to sustain the globe, literature might serve as a practical solution of keeping humanity intact by fulfilling Goal 3 and 11 based on UN Sustainable Development Goals. While Malaysians might be whole on their own, there are arising concerns on hired workers from elsewhere which might cause worries on ethnocentrism. Unless approached well, this can be a hindrance for the country at striving forth.

The study of English literature is a potential medium of exploring embedded messages of human values and nurturing human potential, while inculcating the need for unison across the globe. Despite this, some literary texts tend to be deductive in their approach, almost preaching what is good or otherwise, there is strength within the traditional approach. Like any story-teller, a literary writer acts out as a narrator who instructs and gives delight to his audience – an Aristotelian concept, which is continuously used in the twenty-first century. Popular fiction is able to gain public recognition through its powerful delivery of messages. However, proper vocation and training are needed for these

popular fictions to play their vital role to which *Dewan Bahasa dan Pustaka* is diligently equipping young literary producers with effective knowledge on skilful literary writing. The question is, should readers be limited to local values and messages when they could be exposed to universal values, as preached by other literary writers. In short, the study of English Literature has a profound impact at shaping the younger generation with invaluable global inputs on morality and humanity.

References

- Aschauer, W. 2016. Societal Malaise and ethnocentrism in the European Union: Monitoring societal change by focusing on EU citizen's perceptions of crisis. *Historical Social Research*, 41(2): 307-359. <https://doi.org/10.12759/hsr.41.2016.2.307-359>.
- Beattie, J.M. 2003. *Policing and Punishment in London 1660-1750: Urban Crime and the Limits of Terror*. Oxford: Oxford University Press.
- Evans, G.R. 2010. *The University of Oxford: A New History*. New York: I.B. Tauris & Co.
- Hunt, A. 1999. Governing Morals: A Social History of Moral Regulation. Cambridge: Cambridge University Press.
- United Nations. Transforming our World: The 2030 Agenda for Sustainable Development. A/RES/70/1.<https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/21252030%20Agenda%20for%20Sustainable%20Development%20web.pdf>. [28 July 2019].

Pelajar UniSZA Terima Duit Raya



Majlis yang dianjurkan oleh Pusat Islam UniSZA dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) melibatkan semua pelajar dan staf UniSZA. Majlis turut dihadiri oleh Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dan Timbalan Naib Canselor HEPA, Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh. Dalam ucapannya, Naib Canselor UniSZA berkata, sumbangan duit raya kepada semua pelajar diploma dan ijazah ini merupakan julung kali diadakan oleh UniSZA manakala majlis iftar menjadi tradisi UniSZA yang diadakan setiap kali Ramadan.

“Sumbangan mencerminkan komitmen universiti dalam menjaga kebajikan pelajar dan menyuburkan budaya kasih sayang. Kami berharap pelajar gembira sepanjang belajar di UniSZA,” katanya.

Bulan Ramadan adalah anugerah agung daripada Allah s.w.t. untuk umat Islam bagi menambah amalan demi meraih ganjaran dan ketakwaan yang dijanjikan-Nya. Amalan-amalan sunat seperti solat terawih, tadarus al-Quran, tazkirah, *iftar jamaie*, sedekah dan seumpamanya adalah amat digalakkan untuk dilaksanakan khususnya dalam bulan ini.

Sehubungan dengan itu, UniSZA memperuntukkan duit raya hampir RM500 ribu untuk diagihkan kepada semua pelajar diploma dan ijazah. Penyerahan duit raya kepada wakil pelajar ini diadakan pada 16 Mei di Masjid UniSZA sempena Majlis Iftar Perdana UniSZA.



Majlis Menandatangani MoA

antara UniSZA dengan Hong Leong MSIG Takaful Berhad

Majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UniSZA dengan Hong Leong MSIG Takaful Berhad telah diadakan pada 4 April bertempat di Dewan Baiduri, TH Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu. Majlis ini juga adalah bersempena dengan Karnival Kewangan Terengganu yang telah diadakan pada 4 – 6 April di TH Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu.

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M) merupakan syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang beralamat di Petaling Jaya, Level 5, Tower B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

MoA ini ditandatangani oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan yang mewakili UniSZA dan Ketua Pegawai Eksekutif, Mohd Asri Omar mewakili Hong Leong MSIG Takaful Berhad. Melalui MoA ini, pihak Hong Leong MSIG Takaful Berhad berhasrat untuk menyediakan peruntukan kewangan berjumlah RM50,000 bagi projek penyelidikan yang bertajuk *Developing Micro Family Takaful's Framework for B40's Community*. Projek penyelidikan ini memakan masa selama tiga bulan mulai 1 April hingga 30 Jun.

Para penyelidik Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan (FESP) yang terlibat ialah Dekan, Prof. Madya Dr. Wan Norhayate Wan Daud, Timbalan Dekan (Akademik dan Siswazah), Prof. Madya Dr. Fauzilah Salleh, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr. Nik Mohd Norfadzilah Nik Mohd Rashid, Ketua Pusat Pengajaran Kewangan dan Perbankan, Dr. Ahmad Husni Hamzah, pensyarah, Prof. Madya Dr. Puspa Liza Ghazali dan Puan Roslida Abdul Razak.

Dalam majlis tersebut pihak Hong Leong MSIG Takaful Berhad telah menyumbangkan Perlindungan Takaful sebanyak RM100,000 seorang kepada 20 pelajar cemerlang FESP yang berjumlah RM2 juta.



Pelajar UniSZA Terokai Bima Sakti

Pemerhatian terhadap fenomena alam merupakan antara aktiviti mentadabbur tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. di alam ini. Sebagai usaha ke arah itu, pada 10-14 Mac, seramai 20 pelajar Kelab Astronomi UniSZA (KASTRO) yang diketuai oleh Encik Anuar McAfee telah berkampung di Tegudon Tourism Village dan Melangkap Nabalu Raflesia yang terletak di Kota Belud, Sabah. Lokasi ini dikenali sebagai sebuah kawasan yang popular untuk mengambil gambar salah satu entiti di langit yang dinamakan sebagai Bima Sakti atau *The Milky Way*. Kedua-dua lokasi ini telah diiktiraf oleh International Dark-Sky Association (IDA) sebagai antara kawasan tergelap di Asia Tenggara. Menurut pengarah program, saudara Muhammad Qamarul Akram Baharrudin, ekspedisi ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai astronomi dan membuka peluang kepada mereka untuk menimba pengetahuan tentang astronomi walaupun ia di luar skop kursus pengajian. Di samping itu, ia juga bertujuan memupuk minat pelajar terhadap astronomi dan fenomena alam semula jadi yang sangat unik serta melahirkan rasa ingin tahu tentang situasi yang wujud di ruang angkasa.



Berbekalkan beberapa peralatan kamera dan teleskop, para pelajar telah melakukan penjejakan jaluran Bima Sakti ini sebaik sahaja keadaan cuaca dan situasi agak sesuai. Oleh kerana tarikh ini berhampiran dengan fenomena juraian meteor Lyrids yang berlaku pada bulan April, maka penjejakan meteor juga dijalankan pada waktu yang sama. Kumpulan ekspedisi telah merakam beberapa Bima Sakti yang merentasi buruj Scorpius. Ekspedisi seperti ini merupakan aktiviti yang julung kali diadakan bagi kelab ini dan akan diteruskan pada masa akan datang. Dalam keadaan persekitaran gelap gelita, gugusan bintang halus dan debu-debu angkasa jelas kelihatan pada Bima Sakti.

UniSZA Menangi Dua Anugerah Tokoh Siswa KPM 2018

UniSZA melakar sejarah kejayaan berulang dalam anugerah Tokoh Siswa peringkat kebangsaan apabila Saudara Mohd Aswan Mohd Amin dan Muhammad Ziyad Mohd Yazid berjaya memenangi Anugerah Tokoh Siswa bagi Kategori Pemimpin Kolej Kediaman dan Pemimpin Keusahawanan.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia iaitu Dr. Maszlee Malik, dalam acara yang berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 30 Mac 2019. Beliau berucap menyempurnakan Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2018 yang berlangsung di USIM, Nilai, Negeri Sembilan. YB Dr. Maszlee berkata, pemilihan pemenang mengambil kira penglibatan pelajar dalam program, pencapaian akademik dan sahsiah diri atau kumpulan calon. Perkara ini juga selaras dengan aspirasi KPM untuk melahirkan insan yang holistik dalam setiap komuniti dan masyarakat. Pengurniaan anugerah seumpama ini mampu menjadi wadah kepada pelajar untuk menonjolkan sifat kepimpinan serta bergiat lebih aktif dalam aktiviti kokurikulum.



Turut hadir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, KPM, Datin Paduka Ir. Dr Siti Hamisah Tapsir; Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, KPM, Prof. Dato' Ts Dr. Mohd Ismail Abd Aziz serta kepimpinan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Melalui penganugerahan tersebut, diharapkan legasi ketokohan kepimpinan pelajar akan terus mengalir dalam generasi pelajar UniSZA yang mendatang.

Produk VeFloss Naib Johan dalam Pertandingan MIFT 11th National Food Science and Technology Competition

Pertandingan *MIFT* diadakan adalah untuk merangsang persaingan sihat dalam kalangan pelajar sains dan teknologi makanan di Malaysia serta bertujuan meningkatkan keyakinan dan mengasah kemahiran insaniah pelajar.

Pertandingan *MIFT 11th National Food Science and Technology Competition* telah berlangsung pada 6 – 7 April di Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampus Kampar, Perak. Pertandingan ini telah menarik penyertaan seramai 353 orang pelajar dari lapan buah institusi pengajian tinggi awam dan lapan buah institusi pengajian tinggi swasta yang menawarkan program berkaitan sains dan teknologi makanan. Pertandingan peringkat kebangsaan ini terbahagi kepada lima kategori, iaitu pembentangan lisan dan poster untuk pasca siswazah, manakala *oratory, food bowl quiz* dan *innovative food product development* untuk pra siswazah.

Pusat Pengajian Industri Makanan, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan telah menghantar seramai sepuluh orang pelajar yang diiringi oleh Dr. Ho Lee Hoon untuk menyertai pertandingan ini bagi kategori *Innovative Food Product Development*. Produk yang dipertandingkan ialah *VeFloss: Mixed Dried Vegetables and Fruit Rag Snack*. *VeFloss* merupakan snek kesihatan berasaskan sayuran dan serat buah nangka yang bertujuan meningkatkan pengambilan serat oleh masyarakat Malaysia. Produk ini dibangunkan di bawah bimbingan Dr. Ho Lee Hoon selama setahun dan telah berjaya meraih naib johan dalam pertandingan tersebut. Kemenangan ini telah membuka peluang untuk pengkomersialan produk tersebut ke peringkat global.



UniSZA Lakar Sejarah Lantik Pelajar Sebagai Ahli Senat Universiti

UniSZA melakar sejarah tersendiri apabila muncul sebagai institusi pengajian tinggi awam tempatan (IPTA) pertama di negara ini yang melantik pelajar sebagai ahli senat universiti. Dewan Senat merupakan badan berkuasa akademik tertinggi yang bertanggungjawab mengawal arahan am berhubung pengajaran, penyelidikan, peperiksaan, penetapan dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian lain bagi sesebuah universiti.

Dalam majlis yang berlangsung di Dewan Senat UniSZA pada 26 Mei itu Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA, Saudara Harun Osman dan Timbalan Presiden II MPP UniSZA, Saudara Ahmad Kamil Makhtar telah dilantik sebagai ahli senat. Selain itu, dua orang pelajar lain iaitu Ketua Perhubungan MPP UniSZA, Saudara Ahmad Suffian Mohd. Dalizan dan Bendahari II MPP UniSZA, Saudari Ain Syazana Zolkepli pula berstatus pemerhati dalam Dewan Senat universiti. Berdasarkan perkembangan semasa, pendekatan kini memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif menyuarakan pandangan dan idea baharu dalam pentadbiran universiti, sejarah dengan kehendak pelajar sebagai nilai tambah dalam kemajuan universiti. Pihak universiti memberi peluang kepada pelajar untuk membuat keputusan yang akan memberi kebaikan, bukan sahaja kepada mereka tetapi juga kepada universiti tanpa ada sebarang campur tangan daripada pihak pentadbir universiti.

Objektif perlantikan wakil pelajar sebagai ahli senat adalah bertujuan memberikan pendedahan yang lebih terperinci dan mendalam terhadap dasar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan yang dijalankan di dalam atau di luar universiti. Selain itu, ia turut memberi peluang kepada pelajar terlibat sama dalam menggubal dasar bagi melindungi kebebasan akademik dan kecemerlangan profesional serta memberi pemahaman dan kesedaran kepada pelajar sebagai pemangkin masa depan negara. Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan, berkata pelantikan itu adalah langkah strategik UniSZA bagi menyahut seruan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik yang mahu memberi nafas baharu dalam proses pemerkasaan pelajar. Tempoh lantikan mereka adalah selama dua tahun atau sehingga tamat pengajian, dan UniSZA bercadang untuk melantik lebih ramai lagi ahli senat dalam kalangan penuntut mengikut keperluan.



Penerbit UniSZA Sertai PBAKL 2019

Pengumuman Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menjadikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) sebagai salah satu platform untuk mempromosikan kempen ‘KL Baca – Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan’.

PBAKL 2019 yang mengetengahkan tema “Meluhurkan Dekad Membaca Kebangsaan” dan slogan #MalaysiaMembaca merupakan perayaan bagi warga industri buku dan pencinta buku. Ia berlangsung selama sepuluh hari bermula pada 29 Mac hingga 7 April di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur.

Dalam usaha menyebarluaskan karya terbitan UniSZA, Penerbit UniSZA sekali lagi telah menyertai PBAKL sebagai pempamer di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Penyertaan Penerbit UniSZA kali ini telah berjaya memecahkan rekod jualan PBAKL 2018 dengan tersenarai antara sepuluh penerbit universiti terbaik dalam gagasan MAPIM. Sepanjang sepuluh hari penglibatan PBAKL, Penerbit UniSZA telah mencatat jualan keseluruhan sebanyak RM16,572.00. Peningkatan jumlah jualan ini dibantu oleh penghasilan pelbagai judul baharu di samping keberkesanan dalam strategi pemasaran.

Selain daripada jualan buku, Penerbit UniSZA turut terlibat dalam Program Bedah Buku yang menampilkan buku *Kemajuan Kaedah Hitungan Falak*. Program ini berjaya menghasilkan jualan bagi buku berkenaan sebanyak 118 naskhah. Buku ini mengupas kemajuan kaedah hitungan falak berkaitan hitungan waktu solat, sudut kiblat, penyusunan takwim, dan sudut matahari dalam keadaan tertentu. Setiap kaedah hitungan dan penerbitan data falak yang dibincangkan turut disertakan ilustrasi grafik serta rumus moden.

Antara judul lain yang mendapat perhatian pengunjung ialah *Lailahaillaallah Manual Amalan Sufi Tok Ku Paloh*, *Accounting for Business Zakat*, *Baiah dalam Pelaksanaan Sistem Demokrasi*, *Badiuzzaman Said Nursi Penerus Peradaban Insan* dan *Fiqah Mazhab al-Syafi'i Soal Jawab Isu-Isu Terpilih*.

Istimewanya dalam penyertaan kali ini, rruai Penerbit UniSZA telah menerima kunjungan daripada Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir dan Ustaz Firdaus Wong Wai Hung dari Multiracial Reverted Muslims & Street Dakwah Malaysia.



AQSA Anjur Program Bersama

Komuniti Kampung Banggol Tok Esah



Selain melahirkan pelajar yang kompeten dalam pengkhususan pengajian serta berkemahiran insaniah yang tinggi, UniSZA juga menyediakan platform untuk para pelajar dan pensyarah mempraktikkan ilmu serta kemahiran tersebut bersama komuniti. Sehubungan itu, Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah (AQSA) dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Kampung Banggol Tok Esah telah mengadakan program UniSZA Bersama Komuniti. Program ini bermula pada 26 April di Masjid al-Solihin Kampung Banggol Tok Esah Manir, Kuala Terengganu. Ia dimulakan dengan program gotong-royong oleh 50 orang pelajar dari AQSA termasuk pensyarah di masjid tersebut. Program diteruskan dengan khutbah Jumaat dan Kuliah Ambang Ramadan oleh pensyarah UniSZA. Sepanjang Ramadan pula para pensyarah dan pelajar yang terpilih telah mengimami solat tarawih pada setiap malam Sabtu dan Ahad.

Program yang dirasmikan oleh ADUN Buluh Gading, YB Ustaz Ridzuan Hashim ini bertujuan untuk memanfaatkan kebakaran para pensyarah dan mempraktikkan ilmu serta kemahiran para pelajar AQSA di samping mempromosikan UniSZA kepada komuniti setempat. Ia juga memberikan impak yang besar terhadap UniSZA dan masyarakat bagi merealisasikan UniSZA sebagai pusat transformasi komuniti yang menjadi rujukan umum dalam pelbagai bidang.

Dalam ucapan perasmianya, YB Ustaz Ridzuan Hashim mengucapkan tahniah atas pelaksanaan program tersebut dan menasihatkan para pelajar supaya mengambil peluang untuk mempelajari ilmu kemasyarakatan dan kemahiran insaniah melalui program khidmat masyarakat yang tidak didapati di bilik kuliah. Program seumpama ini diharapkan dapat diteruskan bagi meningkatkan nilai modal insan dalam kalangan mahasiswa UniSZA supaya lebih berdaya saing dalam dunia pekerjaan pada masa akan datang.



Health Promotion Program

dengan tema “Mencegah Lebih Baik Daripada Merawat”

Pada 14 -16 Februari, Program Diploma Fisioterapi dengan kerjasama *UniSZA Physiotherapy Club (UPC)*, Fakulti Sains Kesihatan (FSK), dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA) telah menganjurkan satu *Health Promotion Program* 2019 di Felda Chalok Barat, Setiu. Program yang bertemakan ‘Mencegah Lebih Baik daripada Merawat’ ini telah dianjurkan oleh pelajar tahun dua dengan seliaan para staf Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi (PPSR). Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang penyakit kronik yang dihadapi oleh penduduk di felda ini melalui tinjauan sebenar ke lapangan iaitu melalui kaedah ‘lawatan ke rumah’ (*home visit*).

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mengasah kemahiran komunikasi pelajar dengan pesakit. Sifat kepimpinan pelajar juga dapat diasah melalui program seperti ini. Para pelajar telah ditempatkan bersama dengan keluarga angkat masing-masing sepanjang program ini berlangsung. Banyak aktiviti yang telah dirancang untuk peserta seperti senamrobik, sukaneka, ceramah dan ujian kesihatan dan kecergasan. Prof. Dr. Sakinah Harith, selaku Dekan telah merasmikan program ini.

Program ini telah diisi dengan ceramah kesihatan yang disampaikan oleh Dr. Aryati Ahmad. Sesi soal jawab dibuka kepada peserta untuk mendapatkan penjelasan mengenai kesihatan. Kemudian, program diteruskan dengan acara sukaneka bersama para penduduk. Sukaneka ini telah mendapat penyertaan yang amat mengalakkan daripada para peserta. Pada hari terakhir program, pengajur telah mengadakan ujian kecergasan untuk peserta di felda ini. Antara ujian yang dijalankan adalah fleksibiliti, kekuatan otot tangan dan kaki, keseimbangan dan koordinasi badan. Sebelum menjalani ujian kecergasan ini, peserta dikehendaki untuk menjalani ujian kesihatan terlebih dahulu seperti tekanan darah dan kadar gula dalam darah.



Program ini berakhir dengan majlis penutupnya dilaksanakan oleh Pengurus Felda Chalok Barat, En. Badrolnizam Mohd Tejery. Para peserta program ini amat berpuas hati dengan aktiviti yang disediakan oleh pengajur. Banyak informasi yang dikongsi dan diperoleh daripada pengajuran program ini. Semoga kerjasama pihak pengajur dengan Felda Chalok Barat dapat diteruskan pada masa akan datang dengan program yang lebih menarik.

FSK Lebarkan Jalinan Kerjasama

Penyelidikan dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu

Fakulti Sains Kesihatan (FSK), UniSZA telah menandatangani satu Memorandum Persetujuan (MoA) penyelidikan dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). YPKT merupakan ‘jabatan angkat’ bagi atlit sukan angkat berat Sukan Malaysia (SUKMA) negeri Terengganu. YPKT diketuai oleh Tuan Haji Mohd Shafaruddin Mustaffa dan Penolong Ketua Pengarah iaitu Tuan Haji Mohd Fauzy Abdul Ghani selaku pengurus pasukan angkat berat SUKMA negeri Terengganu.



Pelbagai kaedah dan aktiviti telah dijalankan oleh YPKT bagi meningkatkan mutu sukan angkat berat di negeri Terengganu. Hasilnya, sukan angkat berat telah menjadi penyumbang utama kepada pingat emas pada temasya SUKMA yang dijalankan pada 11 hingga 22 September 2018 di Perak. Sumbangan ini seterusnya menjadi pemangkin kepada negeri Terengganu untuk muncul sebagai juara keseluruhan temasya SUKMA 2018.

Hubungan antara FSK dengan YPKT telah bermula pada 2 November 2017 melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan iaitu ‘Chef Katang Di Dapur’ dan juga ‘Sports Nutrition Seminar: A Road To Success SUKMA 2018’. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ini telah menjadi titik tolak kepada kerjasama yang lebih serius iaitu dari segi penyelidikan.

Satu majlis pertukaran perjanjian penyelidikan telah diadakan pada 26 Disember 2018 bersempena Majlis Makan Malam bagi Meraikan Kejayaan Atlet SUKMA 2018. Kajian yang dijalankan bertajuk “Effects of Energy Bar Prepared with Whey Protein and β -Glucan on Muscle Protein Synthesis via Activation of Mammalian Target of Rapamycin Complex 1 (mTORC1) Genes”. Kajian ini dijalankan oleh pelajar PhD dari FSK. Seramai empat penyelidik UniSZA terlibat iaitu Prof. Dr Sakinah Harith, Dr Abbe Maleyki Mhd Jalil, Dr Nizam Zahary, Dr Naresh Bhaskar Raj dan seorang penyelidik dari USM iaitu Prof. Dr Wan Rosli Wan Ishak. Kajian ini dijalankan selama dua tahun bermula dari 2 Disember 2018 sehingga 1 Disember 2020. Penyelidikan yang dijalankan adalah dari segi perkongsian fasiliti bagi tujuan penyelidikan, pengumpulan data dan pembangunan modal insan pelajar pascasiswazah FSK, khidmat nasihat dan penyeliaan pemakanan bagi meningkatkan mutu dan prestasi atlet angkat berat.

Objektif utama kajian adalah untuk memberi nasihat mengenai pemakanan sihat dan pengawalan berat badan ideal bagi tujuan menyertai pertandingan angkat berat mengikut kategori. Fasa pertama kajian ini melibatkan pembuatan *energy bar*, manakala fasa kedua dan ketiga menentukan tahap kesedapan dan kesannya terhadap sintesis protein. Kerjasama ini menjadi titik tolak kepada kajian yang lain. Antara kerjasama yang telah dibincangkan adalah program latihan dan bimbingan pembuatan roti sihat bagi meningkatkan pendapatan isi rumah ibu tunggal di Terengganu dan program pemakanan sihat serta peningkatan kualiti hidup warga emas di Terengganu.



Kanak-kanak Istimewa Tumpuan Perpustakaan UniSZA

Tabiat membaca perlu disemai sejak dari kecil. Umpama pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungnya. Sikap suka membaca ini perlu ada dalam naluri semua golongan, tidak kira tua ataupun muda. Membaca perlu dijadikan satu gaya hidup kerana ia merupakan jambatan ilmu.

Bertujuan mengembangkan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak, Perpustakaan UniSZA mengambil tanggungjawab dengan mendekati golongan comel ini khususnya murid-murid berkeperluan khas. Hal ini untuk memastikan golongan kanak-kanak ini tidak dipinggirkan dari arus perdana dan mereka turut sama dapat menyumbang pada negara pada masa depan. Program yang dinamakan ‘Bacalah Sayang 2.0’ anjuran Perpustakaan UniSZA ini diadakan dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Gong Badak (SKGB), Kuala Nerus. Tema pada kali ini ‘*Iqra’ with Special Kids.*’

Seramai 40 murid SKGB terpilih mengikuti program yang berlangsung pada 25 April. Murid-murid tersebut yang berada dalam program pendidikan khas terdiri daripada Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran (KKBP) iaitu mereka yang terdiri daripada pelbagai kategori seperti *sindrom down*, perkembangan lewat, autisme, hiperaktif, *cerebral palsy*, epilezik, masalah emosi dan masalah pertuturan, kanak-kanak bermasalah penglihatan dan kanak-kanak bermasalah pendengaran. Pendidikan khas boleh didefinisikan sebagai kaedah-kaedah yang dibentuk khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang mengalami pelbagai kecacatan atau kurang upaya.

Menurut Ketua Pustakawan UniSZA, Puan Norulhuda Makhtar, selain tanggungjawab hakiki yang perlu dilunaskan di universiti, Perpustakaan UniSZA turut mempunyai peranan lain kepada masyarakat di luar universiti. Oleh itu, program seperti ini diwujudkan bagi memenuhi tanggungjawab sosial Perpustakaan UniSZA melalui program khidmat masyarakat yang dilaksanakan.

“Ini sebenarnya suatu usaha kecil kami untuk mendekati serta menyebarluaskan ilmu yang ada kepada masyarakat terutamanya kepada warga sekolah. Pada tahun ini, kita cuba membawa kelainan dengan melibatkan murid Pendidikan Khas pula. Melalui siri kedua ini, tema ‘*Iqra’ with Special Kids*’ pula digunakan agar terdapat variasi dalam mencetuskan idea baharu bagi usaha menerapkan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah”.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan di majlis perasmian program tersebut yang berlangsung di Dewan Khalid al-Walid, SKGB. Majlis dirasmikan oleh Guru Besar SKGB, Encik Ahmad Zohir Harun

Pelbagai aktiviti dijalankan sempena program tersebut. Antaranya *Colourful Popsicle*, *Jigsaw Puzzle*, *Human Body* dan *Sing With Me* mendapat respons positif daripada murid-murid yang terlibat. Program ini dikendalikan oleh warga Perpustakaan UniSZA dan juga para pelajar latihan industri.

Program ini dapat menggalakkan literasi awal mengenai membaca dan menulis dalam kalangan murid-murid khas. Selain itu, ia merupakan platform dalam menyediakan ruang untuk murid-murid khas memperlihatkan kebolehan sedia ada mereka dan menggunakan kaedah yang boleh menarik minat murid-murid khas untuk belajar.



Karnival Niaga Mendekatkan Komuniti dengan Perniagaan berasaskan Pertanian

Karnival Niaga Tembila 2.0 telah dianjurkan pada 11-12 April bertempat di UniSZA Kampus Besut. Karnival yang dirasmikan oleh Pengarah Kampus Besut, Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman ini merupakan anjuran Kelab Myagrosis dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor dan Unit Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program berlangsung yang melibatkan penyertaan mahasiswa dari pelbagai kelab dan persatuan di UniSZA, sekolah dan komuniti luar.

Karnival ini dilaksanakan untuk memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan mahasiswa di samping memperkenalkan UniSZA kepada komuniti luar. Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti ceramah bulan Syaban, sukaneka antara pelajar sekolah, pertunjukan pencak silat, zumba, *explorace* yang bertemakan *warewolf*, gerai jualan daripada komuniti luar dan mahasiswa, pameran daripada agensi dan syarikat seperti derma darah, pemeriksaan gigi dan pertunjukan haiwan eksotik.

Penganjuran karnival niaga ini telah menjadi satu platform untuk memberi semangat kepada komuniti luar bagi menceburi bidang bioteknologi, pertanian, perladangan dan penghasilan makanan. Ia juga dapat memupuk minat dalam kalangan mahasiswa untuk mendalami bidang perniagaan seterusnya dapat memotivasi diri untuk lebih berusaha dan berjaya dalam bidang agroladang dan agroniaga.



PKKI Memberi Sumbangan kepada SJK (T), Cameron Highland



Seramai 32 orang pelajar UniSZA dari Persatuan Kebudayaan dan Kesenian India (PKKI) bersama pengiring iaitu pensyarah UniSZA, Prof. Madya Dr. Nalini Arumugam mengadakan program jalinan kasih bersama murid Sekolah Rendah Tamil, SJK(T) Kuala Terla, Tanah Rata, Cameron Highland. Sekolah ini mempunyai 76 orang murid dan sebelas orang guru. Guru besar Sekolah Rendah Tamil, Encik Arunagirinathan berbesar hati menjemput pelajar UniSZA ke sekolah mereka. Program tersebut adalah hasil daripada keuntungan majlis kebudayaan iaitu, THAALAM 4.0. Sebanyak 50 peratus iaitu RM5410.70 diberikan kepada sekolah berkenaan setelah majlis kebudayaan berakhir pada 28 April 2018.

Selain itu, barang yang berkaitan dengan robotik, kamus dewan, buku latihan, barang aktifiti, hadiah dan wang tunai sebanyak RM400 turut disumbangkan kepada sekolah tersebut. Sumbangan tersebut dapat menambah baik lagi kualiti pendidikan sekolah. Pada masa yang sama, pihak sekolah telah memberi kesempatan untuk melancarkan 'Program Nilam' SJK(T) Kuala Terla 2019.

Kursus Perkahwinan Gerbang Sakinah 2.0

Hampir 80 orang warga UniSZA dan komuniti setempat telah menyertai Kursus Pra Perkahwinan Gerbang Sakinah 2.0 anjuran Majlis Kolej Kediaman B (MKK B) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (JHEAT), Pejabat Kolej Kediaman dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA).

Program yang berlangsung di Dewan Ibnu Khaldun, Kampus Gong Badak pada 19-20 April ini, merupakan inisiatif MKK B untuk memberi pendedahan awal tentang alam perkahwinan di samping menjadi syarat khusus bagi mereka yang ingin melangsungkan perkahwinan. Antara perkara yang dibincangkan dalam kursus ini adalah berkenaan ibadah, akidah, hubungan dalam keluarga, pengurusan masa dan kewangan dengan berkesan serta pengenalan tentang talak dan rujuk yang disampaikan oleh beberapa orang panel yang bertauliah daripada JHEAT.

Alam perkahwinan tidak boleh dianggap sebagai satu percubaan tetapi merupakan kehidupan yang harus dilayari oleh pasangan suami isteri sehingga ke akhir hayat. Walau bagaimanapun, akibat kurangnya ilmu pengetahuan sebelum melangkah ke gerbang perkahwinan, maka ramai pasangan gagal mempertahankan rumah tangga yang menyebabkan meningkatnya statistik kes perceraian di negara ini.

Sehubungan itu, ujar Penceramah JHEAT, Tuan Haji Mustafar Hamzah, adalah perlu bagi pasangan yang merancang untuk berkahwin, mengikuti kursus pra perkahwinan terlebih dahulu sebagai persediaan menghadapi alam kehidupan baharu kelak. Menurut beliau lagi, kursus pra perkahwinan boleh memberi ilmu dan maklumat yang cukup berguna kepada bakal pengantin sebelum melangkah ke alam perkahwinan, seterusnya melayari alam rumah tangga. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang mengikuti kursus pra perkahwinan selama dua hari tersebut, di samping menyatakan perkahwinan merupakan suatu perkara istimewa yang dituntut oleh agama dan mampu menceriakan kehidupan.



Lawatan Kerja Staf UTeM ke Pusat Islam UniSZA

Pusat Islam dan Sahabat Masjid Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan satu lawatan kerja ke Pusat Islam UniSZA. Lawatan ini melibatkan seramai 14 orang staf Pusat Islam UTeM.

Lawatan kerja ini diadakan bertujuan untuk mengadakan perbincangan dari segi pengurusan, organisasi, dan infrastruktur yang sedia ada sebagai penanda aras dalam membuat penambahbaikan yang diperlukan oleh Pusat Islam UTeM. Lawatan ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara staf Pusat Islam UTeM dengan Pusat Islam UniSZA.

Program ini dimulai dengan ucapan aluan daripada Pengarah Pusat Islam UniSZA, Prof. Madya Dr. Lazim Omar dengan mengalu-alukan kedatangan staf Pusat Islam dan Sahabat Masjid UTeM ke Pusat Islam UniSZA. Lawatan ini diteruskan lagi dengan ucapan ringkas daripada Pengarah Pusat Islam UTeM dan sesi pengenalan staf serta diteruskan dengan sesi penerangan berkaitan Pusat Islam oleh Pengarah Pusat Islam UniSZA.

Seterusnya, lawatan kerja ini disusuli sesi melawat tapak di sekitar Pusat Islam UniSZA yang mengambil masa selama 30 minit. Selesai sesi lawatan, semua staf dan Sahabat Masjid UTeM menikmati jamuan ringan yang disediakan dan kemudian diadakan sesi bergambar sebagai kenangan.

Lawatan Kerja Staf Pusat Islam dan Sahabat Masjid UTeM ke Pusat Islam UniSZA berakhir jam 12.30 tengah hari. Sambutan yang diterima daripada semua staf amat menggalakkan dan reaksi yang diberikan adalah positif. Justeru, Pusat Islam akan terus menerima lawatan kerja daripada universiti atau institusi lain pada masa akan datang.



Kelab Agribiosis FBIM

Anjur Program *Wealthy Mushroom*



Persatuan Agribiosis, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) mengajurkan program *Wealthy Mushroom* pada 28 April bertempat di SMK Tembila, Besut. Program ini dianjurkan untuk memberi pendedahan keusahawanan kepada Pelajar Pendidikan Khas (PPKI), SMK Tembila dan mahasiswa UniSZA mengenai kaedah penanaman cendawan. Program ini juga menjadi platform kepada para peserta untuk mempelajari ilmu dan memperoleh pengalaman mengenai cara penjagaan cendawan dan sekali gus dapat melahirkan belia yang mahir dalam bidang pertanian.

Selain itu, program ini dianjurkan bagi menerap minat keusahawanan dalam kalangan peserta di samping memberi pendedahan tentang perniagaan berdasarkan pertanian sebagai satu kerjaya yang mempunyai masa depan yang cerah.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini ialah penyediaan rumah cendawan, lukisan mural, sesi perkongsian mengenai kaedah penanaman dan cara penjagaan cendawan yang disampaikan oleh Tuan Mohd Pauzi Tuan Deraman.

Program ini dibimbing oleh Dr. Salmah Mohamed iaitu penasihat kelab Agribiosis. Program yang dijalankan ini diharap dapat menjadi platform kepada FBIM untuk berkongsi ilmu dan pengetahuan dalam bidang pertanian dan agroperniagaan dengan masyarakat setempat selain meluaskan skop kaedah pembelajaran dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tembila dan mahasiswa.



Perpustakaan UniSZA Sahut Cabaran Realisasikan Program Dekad Membaca

Perpustakaan UniSZA telah menubuhkan sebuah Perpustakaan Mini bagi menyantuni 100 orang kanak-kanak daripada 350 penduduk di kampung tersebut. Program Khaleef Bateq ini digerakkan oleh mahasiswa Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) bermula Februari lalu.

Menyahut cabaran merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan menjayakan program Dekad Membaca, pihak Perpustakaan UniSZA mengambil langkah dengan menyertai Projek Khaleef Bateq bertemakan Sekolah Bimbingan Fardu Ain dan Galakan Membaca anjuran Persatuan Mahasiswa Antropologi dan Dakwah, FSSG. Sasaran program ini ialah di Perkampungan orang asli Aring 5, Gua Musang, Kelantan.



Program kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) diadakan pada 4 Mei dan dirasmikan oleh Dekan FSSG, Prof. Dr. Wan Abd Aziz Wan Mohd mewakili Naib Canselor UniSZA. Program ini turut dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Paloh, YB Haji Amran Ariffin dan Penghulu POS Aring 5, Encik Raina Anjang.

Ini merupakan inisiatif dan peluang Perpustakaan UniSZA dalam melaksanakan tanggungjawab kepada komuniti melalui program khidmat masyarakat. Kewujudan perpustakaan mini ini juga akan menjadi platform kepada komuniti orang asli menyemai minat membaca dan memperoleh ilmu pengetahuan.

Pengarah Projek Perpustakaan Mini, Encik Mohd Sabri Muda berkata, penubuhan perpustakaan



ini merupakan salah satu cara mendedahkan golongan orang asli dengan pelbagai bahan bacaan serta membantu mereka untuk menanam budaya cintakan ilmu. Beliau turut menyatakan, "Dalam hal ini, kita sebagai warga Perpustakaan UniSZA berasa terpanggil untuk melaksanakan projek bersama dengan orang asli memandangkan kita sedia maklum golongan ini sukar untuk keluar dari perkampungan mereka. Apatah lagi, penempatan mereka jauh dari bandar. Kita tidak boleh

mengharapkan mereka datang kepada kita. Namun, kita juga tidak boleh meminggirkan golongan ini daripada arus pendidikan. Bagi melunaskan tanggungjawab tersebut, kita mengambil langkah untuk turun ke perkampungan ini bagi memberikan input kepada mereka".

Sementara itu, Prof. Dr. Wan Abd Aziz berkata dalam ucapan perasmianya, pemilihan komuniti orang asli dalam program tersebut pula adalah sejajar dengan kehendak program Dekad Membaca yang telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik pada Jun 2018 yang bertujuan menyemarakkan kempen budaya membaca dan seterusnya menzahirkan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang tahun 2030 tanpa meminggirkan mana-mana golongan.



Program Bubur Lambuk Bersama Komuniti Tembila

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan kerjasama Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB) menyertai gotong-royong memasak bubur lambuk bersama penduduk Kg. Benting Lintang, Kg. Pengkalan Kubur dan Kg. Gerda Mas pada 16 Mei lalu. Program komuniti ini adalah salah satu inisiatif menyambut Ramadan yang dirancang bersama Syarikat Hasriff Ice Sdn. Bhd. untuk meraikan komuniti sekitar Kampus Besut.

Program yang bermula pada jam 11.00 pagi itu menerima penyertaan daripada kalangan staf dan pelajar FIK, PPKB,



Perpustakaan Kampus Besut, Fakulti Farmasi, Pusat Pengurusan Infrastruktur dan Rangkaian serta 20 orang penduduk.

Sebanyak empat kawah bubur lambuk dengan anggaran 500 bekas telah disediakan untuk diagihkan kepada warga UniSZA dan penduduk sekitar. Program seperti ini dapat mengeratkan hubungan antara UniSZA dengan komuniti setempat.

UniSZA Kampus Besut Sahut Cabaran Trash Challenge

Pantai Benting Lintang, Besut telah menyaksikan semangat cintakan kebersihan oleh staf UniSZA, Kampus Besut melalui penganjuran program *Trash Challenge* pada 19 April. Program ini dianjurkan oleh Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) dengan kerjasama Pejabat Pengarah Kampus Besut dan Fakulti Farmasi.

Program khidmat komuniti ini telah disertai oleh seramai 30 orang peserta. Pelaksanaan program ini adalah satu inisiatif untuk membantu komuniti setempat dalam memelihara kawasan pantai yang sememangnya sering menjadi tumpuan untuk aktiviti riadah oleh penduduk sekitar dan pengunjung dari luar negeri Terengganu. Melalui program ini, peserta dapat mengekspresikan semangat kecintaan kepada penjagaan kebersihan dengan mengutip sampah sarap di sekitar pantai tersebut. Selain itu, ia juga sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan penjagaan kebersihan.



Pihak fakulti berharap semoga pelaksanaan program ini dapat memupuk semangat sayangkan pantai. Dalam usaha mendidik masyarakat setempat mahupun pengunjung luar, pihak bertanggungjawab perlu melaksanakan program seumpama ini pada masa akan datang.

Pengawas PSS **SMK DATO' RAZALI ISMAIL**

diberi Pendedahan Pengurusan Perpustakaan

Seramai 61 orang pengawas Pusat Sumber Sekolah (PSS) diiringi tiga orang Guru Perpustakan dan Media (GPM) dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Razali Ismail (SMKDRI) telah mengadakan program Kolaboratif Baitul Hikmah SMKDRI dengan kerjasama Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak.

Program ini merupakan inisiatif pihak sekolah untuk memberi pendedahan kepada Pengawas PSS tentang pengurusan perpustakaan yang efektif. Program bersifat kursus atau latihan ini telah dikendalikan oleh Penolong Ketua Pustakawan UniSZA, Encik Mohd Sabri Muda, dibantu oleh Puan Puspa Abd. Rashid dan dua orang pelajar latihan industri dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Melalui program ini, pihak sekolah berhasrat untuk menyediakan pendedahan dan pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel, menarik, berfokus dan bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab pengawas PSS.

Antara objektif lain program ini adalah untuk memberi peluang kepada pengawas PSS mendapatkan pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah, di samping memantapkan kemahiran berkomunikasi, berinteraksi dan bersosial dengan masyarakat di luar sekolah. Mereka juga telah dibawa melawat sekitar Perpustakaan UniSZA dan melihat proses kerja di Bahagian Pengurusan Teknikal dan Bahagian Perkhidmatan Pengguna.



Medical Imaging and Radiography Student Association

Community Outreach

The Medical Imaging and Radiography Student Association organised a community outreach programme with the residents of Kampung Landas, Ajil in cooperation with *Majlis Pengurusan Komuniti Kampung* (MPKK) and *Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah* (KETENGAH) from 29-30 March. The adoption programme was successfully implemented and received a rousing welcome from the villagers. The selected participants were given a host family to bond with and resulted in having a big impact on the community. Various activities were held throughout the two days.

Free health screening and breast examination were carried out by the UniSZA Medical Center and the staff of the Faculty of Health Sciences. These programmes were held to spread awareness on breast cancer and its treatment as it is the leading type of cancer in Malaysia. Presentations given about the risks of breast cancer aimed to cultivate breast health awareness within the community. This was further supplemented by a presentation from Dr. Abbe Maleyki Mhd Jalil about the importance of a balanced diet in daily life.

Gotong-royong activities were held in the local mosque, the cemetery, and the local hall. This was a joint effort with the students and staff of the faculty working with the local residents to clean the areas. A good community effort was shown and the result of the activity was very positive. In addition, the meals provided during the programme were prepared by the appointed committees, in cooperation with members of the local community. Praise and appreciation were given as feedback by the students on the cooking process and the meals prepared. This also helped to foster social relations with the local community.

Various games and activities were held for the locals of all age groups. These included colouring competitions and crossword puzzles for the children, while a time lapse game and tug-of-war was designed for the youth and adult men. The highlight of the programme was a lucky draw with fixie bikes, children's bicycles and containers of lubricant oil as the prizes. These activities garnered much attention from the local residents, and had a good showing by them considering the programme started as early as 8 am.

The programme managed to accumulate donations to be given to the disabled and single mothers in Kampung Landas. Contributions came in the form of basic foodstuffs submitted by various parties helping to ease the burden of the local community. The closing ceremony was held in the afternoon. This outreach programme was very well received by the locals, and all who contributed hope to have helped the community to be more aware of their long-term health and well-being.



Program Bicara Antara Benua

Bantu Pelajar Kuasai Bahasa Inggeris

Kolaborasi yang terjalin sejak 2013 antara Perpustakaan UniSZA, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu (BTPNT) berjaya menganjurkan program Bicara Antara Benua (BAB) 6.0 bertemakan *English is Alive in Terengganu*.

Program BAB merupakan salah satu pengisian di bawah Program Pengantarabangsaan Aktiviti Pusat Sumber Sekolah (PSS) dan penganjuran kali keenam ini diadakan pada 18 Mac di Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak. Program ini disertai oleh pelajar, guru sekolah dan ahli panel dari beberapa buah negara.

Ahli panel dari luar negara yang dijemput pada kali ini ialah Encik Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee (Kanada) sebagai moderator, Cik Phatnista Naranon (Thailand), Encik Ibrahim Tijjani Sabiu (Nigeria) dan Encik Muhammad Arslan Sarwar (Pakistan). Empat panel dari Malaysia pula ialah Puan Norhayati Shapii, Siti Nur Balqis Razali dari Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Nering, Puan Nor Anida Ahmad Bazain dan Nur Alia Hqadieea Zawawi dari SK Binjai. Turut sama diundang ialah Tokoh Nilam Terengganu Kategori Bahasa Inggeris 2019, Saudari Yasmin Syafiqah Mohd Yusof dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kompleks Gong Badak.

Program kali ini disertai oleh pelajar dan guru dari 12 buah sekolah iaitu SMK Kompleks Gong Badak, SMK Padang Kemunting, Sekolah Menengah Agama (SMA) Khairiah, SMA Imtiaz, SMK Balai Besar, SK Pendidikan Khas, SK Pulau Rusa, SK Tengku Bariah, SK Bukit Nenas, SK Batu 48, SK Kerteh, wakil JPNT dan BTPNT.

Program tersebut membincangkan topik yang berkisar mengenai perkembangan dan minat membaca dalam kalangan masyarakat yang berlainan bangsa, budaya dan negara. Ini merupakan usaha untuk meningkatkan kebolehan berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, selain memberi keyakinan kepada mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut dengan lebih baik.



Turut diadakan ialah slot perkongsian minda bertajuk ‘Jom Budayakan Iqra’ yang disampaikan oleh pensyarah dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA, Encik Mohd Shahrizal Nasir. Para penonton turut dihiburkan dengan persembahan *live band* oleh pelajar SMK Padang Kemunting yang menggelarkan mereka sebagai ‘Spark Buskers’.

Hadir sama ke program ini, Ketua Penolong Pengarah BTPNT, Tuan Haji Wan Mohd Zuhaidi Wan Hassan, Ketua Penolong Pengarah (Bahasa Melayu) Sektor Pengurusan Akademik, JPNT, Encik Hamid Yahya, Ketua Unit Perkhidmatan Sumber Pendidikan BTPNT, Tuan Haji Akram @ Amir Abd Majid dan Penolong Ketua Pustakawan UniSZA, Puan Rosnorzaini Rusli.

PI DAN SMK KOMPLEKS MENGABANG TELIPOT

ANJUR KEM BESTARI SOLAT

Pendidikan solat adalah satu bentuk pendidikan awal yang perlu ditekankan sebagai amalan kanak-kanak seawal usia tujuh tahun seperti yang disarankan oleh Rasulullah s.a.w.. Ini kerana solat merupakan tiang agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Ia merupakan identiti penting yang membezakan antara orang Islam dengan orang bukan Islam. Ibu bapa khususnya perlu menyedari tanggungjawab mereka untuk memastikan anak-anak melaksanakan solat secara konsisten kerana solat merupakan tonggak utama untuk mengisi jiwa anak-anak dengan akidah tauhid.

Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan kefahaman solat secara teori dan praktikal, Pusat Islam UniSZA dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kompleks Mengabang Telipot telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kem Bestari Solat Pendidikan Khas Integrasi pada 13 Mac, bertempat di dewan solat dan bilik kuliah Masjid UniSZA. Kem ini melibatkan seramai 27 orang pelajar perempuan dan lelaki Pendidikan Khas yang berumur antara 13-19 tahun dan lapan orang fasilitator daripada kalangan staf Pusat Islam.

Kem yang dirasmikan oleh Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Lazim Omar bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan ibadat solat dan perkara yang berkaitan dengan adab sehari-hari. Selain itu, ia juga merupakan salah satu usaha untuk mencungkil bakat pelajar bagi melahirkan generasi imam dan bilal muda.

Terdapat pelbagai aktiviti yang dijadualkan sepanjang Kem Bestari Solat berlangsung, namun ia lebih tertumpu kepada Latihan Dalam Kumpulan (LDK). LDK dibahagikan kepada tiga kategori. LDK1 menumpukan kepada latihan berkaitan dengan azan dan iqamat iaitu lafadz azan dan iqamat, bacaan menjawab azan serta bacaan doa selepas azan dan iqamat. LDK2 pula menumpukan kepada bacaan surah al-Fatihah mengikut tartil, manakala LDK3 memfokuskan amali wuduk serta solat zohor secara berjemaah.

Pelaksanaan Kem Bestari Solat ini dapat memberi kesedaran dan pendedahan awal kepada pelajar tentang tanggungjawab menuaikan tuntutan agama. Selain itu, program ini dapat memberi kesan positif dalam meningkatkan kemahiran, kesungguhan dan rasa tanggungjawab untuk melaksanakan solat lima waktu khususnya dan ibadah fardhu ain yang lain secara amnya.



PPT

Libatkan Pelajar dalam Perkhemahan Sekolah



Pusat Pengajian Teras (PPT) telah menyumbang bakti khidmat komuniti dengan menghantar sepuluh orang pelajar yang mengikuti kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum Universiti di bawah subjek Hubungan Etnik untuk menyertai aktiviti perkhemahan unit beruniform tahunan di Sekolah Kebangsaan Kompleks Gong Badak (SKKGB). Sumbangan khidmat komuniti yang diberikan adalah untuk membantu guru-guru sekolah dalam memastikan keberkesanan aktiviti kurikulum yang telah dipraktikkan dalam Unit Beruniform. Program perkhemahan tersebut telah diadakan pada 25-26 April bertempat di padang sekolah SKKGB.

Penglibatan pelajar sebagai fasilitator termasuklah membantu mendirikan khemah, pertandingan merentas halangan, melatih pelajar SKKGB untuk pertandingan kawad kaki, kerohanian dan kembara malam. Peranan yang dimainkan oleh pelajar banyak membantu guru dalam membimbing murid tahun enam di SKKGB untuk berdikari, memperkenalkan jati diri, kepimpinan dan kebolehan mereka dalam penyertaan aktiviti dan pertandingan yang telah diadakan. Aktiviti ini mengeratkan hubungan silaturahim antara warga SKKGB dengan pelajar UniSZA selain memupuk nilai-nilai yang baik dan semangat kerjasama sesama mereka.

Program Lonjakan Gemilang

Sekolah Kebangsaan Kompleks Gong Badak (SKKGB) dengan kerjasama Pusat Pengajian Teras (PPT) dan Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) UniSZA telah mengadakan Program Lonjakan Gemilang kepada pelajar tahun enam sekolah tersebut yang akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Program itu dijalankan pada 1-2 April di Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak. Para pelajar didedahkan dengan teknik menjawab soalan Matematik dan Sains oleh ketua pemeriksa dan guru-guru berkaitan selain ceramah motivasi yang disampaikan oleh pensyarah di PPT, Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah.

Dalam sesi ceramah tersebut beliau menitikberatkan kekuatan emosi dan mental yang akan mempengaruhi kejayaan pelajar. Antaranya para pelajar perlu kuat untuk berhadapan dengan persekitaran semasa yang boleh memberi kesan positif dan negatif kepada mereka serta memberi lebih tumpuan dan fokus kepada teknik menjawab soalan peperiksaan.

Program ini memberikan impak yang amat besar kepada pelajar supaya bersemangat untuk berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan UPSR. Di akhir ceramah, pelajar diberikan gambaran positif dan negatif yang akan diperoleh pada masa hadapan selain menekankan keperluan menghafal yang merupakan teknik untuk menguatkan ingatan. Para pelajar juga diberi panduan dalam menjaga makanan kerana ia mempengaruhi kesihatan emosi.



Program Infaq Ramadan '1 PTj 1 Infaq'

Ramadan merupakan bulan yang dikhawasukan dengan banyak keistimewaan dan memiliki pelbagai kelebihan serta dipenuhi keberkatan. Setiap amalan kebaikan diberikan ganjaran berlipat ganda. Umat Islam disarankan untuk berlumba-lumba melakukan kebaikan dan salah satu amalan yang dijanjikan ganjaran adalah bersedekah. Bak kata pepatah, ‘tangan yang memberi adalah lebih baik daripada tangan yang menerima’.

Sempena kedatangan bulan Ramadan pada tahun ini, Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT) UniSZA telah mengajurkan program tahunannya iaitu Program *Infaq* Ramadan ‘1 PTj 1 *Infaq*’. Program ini bertujuan meringankan beban sambil membantu golongan asnaf dan warga tua yang tinggal di sekitar UniSZA Kampus Gong Badak, Kampus Perubatan dan Kampus Tembila. Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato’ Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Pengurusan Tertinggi UniSZA dan ketua Pusat Tanggungjawab (KPTj) UniSZA turut terlibat dalam menjayakan program ini.

Program ini telah dijalankan secara serentak di Kuala Neris, Kuala Terengganu dan Kampus Tembila pada 15 Mei 2019 bermula jam 8.30 pagi hingga jam 1.00 tengah hari. Sebanyak 130 hamper hasil sumbangan kakitangan UniSZA yang berupa barang keperluan rumah, makanan dan minuman telah disumbangkan kepada golongan asnaf. Program ini juga telah dimulakan dengan program Solat Sunat Dhuha di Masjid UniSZA bersama Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi, KPTj dan kakitangan UniSZA yang terlibat.

Terdapat tujuh buah kampung yang telah dikunjungi bagi pengagihan sumbangan hamper iaitu Kampung Wakaf Tengah, Gong Sekolah, Gong Awang Lib, Ladang Sehat, Ladang Flat, Ladang Titian di sekitar UniSZA Kampus Gong Badak dan Kampung Benting Lintang yang terletak di sekitar Kampus Besut. Kunjungan staf UniSZA turut diiringi oleh wakil dari Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Di samping itu, kumpulan Perubatan UniSZA juga memberi khidmat *quick health check* bagi membantu meringankan masalah kesihatan asnaf secara percuma.

Lebih 20 buah rumah berjaya dikunjungi dalam program ini. UniSZA merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada MPKK yang telah bersama-sama menjayakan program ini dan membantu staf UniSZA bagi mendapatkan maklumat berkaitan asnaf yang terdapat di kawasan masing-masing. Program seumpama ini perlu diteruskan pada masa akan datang agar sumbangan serta bantuan dapat diagihkan kepada insan yang sepatutnya dan nasib masyarakat yang kurang berkemampuan terbela. Kunjungan ini juga telah banyak memberi pengajaran dan pengalaman kepada pihak yang terlibat serta dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.



5th International Conference on Health Sciences

The Faculty of Health Sciences and Health Polytechnic Yogyakarta, Indonesia organized the 5th International Conference on Health Sciences from 3-4 November 2018. The Joint Conference Agreement Understanding was held at the conference and was signed by the Dean of the Faculty of Health Sciences, Prof. Dr. Sakinah Harith and Director of Yogyakarta Health Polytechnic, Mr. Joko Susilo.

The theme for the conference was “Optimization of Elderly Health and Environmental Support in the Era of SDGs”. The conference was held at the Grand Inna Malioboro Hotel, Yogyakarta, Indonesia. The inauguration was completed by The Deputy Director, Ministry of Health of Indonesia, Drg. Usman Sumantri.

The objective of this conference was to ensure a healthy life by promoting comprehensive health to all age groups, especially senior citizens. Health management aspects should be addressed by the government and the community to these groups. Malnutrition among the elderly is increasing as a result of the rise of various chronic illnesses. Factors that cause malnutrition include individual and organizational factors. Individual factors can be affected by physiology, pathology, sociology and psychology. Hence, health professionals, governments and communities should be aware of the importance of senior citizens' health for their well-being. This can help the economy of the country in reducing medical costs and ensure quality of life of the community.

The conference was attended by more than 300 participants from different health professional disciplines. On the first day of the conference, a workshop entitled “Technical writing for international manuscript” was presented by Prof. Dr. Abdul Rohman from Gadjah Mada University, Indonesia. On the second day, the Dean of the Faculty of Health Sciences, Prof. Dr. Sakinah Harith was the main speaker, presenting “Updates on Nutritional Screening and Assessment for Geriatric Patients”. There are many more invited speakers from other countries such as Dr. Samoraphap from Khon Kaen University, Thailand and Dr. Armah Tengah from Brunei Health Polytechnic.

All abstracts presented during the conference have been compiled in indexed proceedings namely Clarivate Analytics, NKI Scholar, Compendex and Google Scholar. During the closing ceremony of the conference, undergraduate student of the Faculty of Health Sciences; Ms Nur Aimi Asyranie bt Zamri was awarded the best oral presenter. Hopefully, the memorandum of agreement to be held this year will enhance the research collaboration and global cooperation between UniSZA and Yogyakarta Health Polytechnic.



Fakulti Sains Kesihatan

Terima Kunjungan STIKES Syedza Saintika,
Padang, Indonesia

Fakulti Sains Kesihatan (FSK), UniSZA telah menerima kunjungan hormat dari Sekolah Tinggi Kesihatan (STIKES) Syedza Saintika, Padang, Indonesia pada 4 Disember 2018. Lawatan rasmi ini diketuai oleh Prof. Dr. Syamsul Amar. MS dan Dr. Hasrinal A. STIKES Syedza Saintika merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang terletak di Padang, Indonesia. STIKES Syedza Saintika mempunyai bidang pengajian seperti Kesihatan Masyarakat, Teknologi Lab Medik dan Pemakanan Komuniti.

Bidang pengajian ini adalah bersesuaian dengan bidang pengajian yang terdapat di FSK seperti Bioperubatan, Sains Pemakanan dan Dietetik.

Lawatan rasmi ini telah membincangkan mengenai hala tuju bidang kerjasama yang bakal dijalankan. Perbincangan ini juga telah menjadi titik tolak kepada kerjasama yang lebih serius iaitu dari segi penyelidikan. Kedua-dua institusi telah bersetuju untuk mengadakan memorandum perjanjian (MoA) penyelidikan. Tujuan kerjasama ini diwujudkan adalah untuk mencapai dan mempertingkatkan misi dan objektif penyelidikan dan akademik FSK melalui hubungan dengan institusi dari luar negara. Memorandum persefahaman (MoU) antarabangsa ini juga adalah bagi memenuhi sasaran *My Research Assessment* (MyRA) yang telah ditetapkan kepada FSK bagi tahun 2019.

Kerjasama ini juga akan memberi fokus kepada lima aspek. Pertama, penerimaan pelajar dari STIKES Syedza Saintika untuk melanjutkan pengajian PhD di FSK, UniSZA; kedua, pertukaran staf antara kedua-dua institusi bagi tujuan penyelidikan bersama; ketiga, mengadakan persidangan bertema pada bulan Oktober 2019 di STIKES Syedza Saintika; keempat, penerbitan bersama buku, jurnal atau bab dalam buku; dan kelima, melantik staf dari kedua-dua institusi sebagai ahli jawatankuasa jurnal UniSZA dan juga STIKES Syedza Saintika. Kerjasama penyelidikan ini dijangka dapat meningkatkan kepakaran staf dalam bidang penyelidikan di kedua-dua buah universiti. Hasil penyelidikan ini diharapkan dapat memberi manfaat dan impak positif kepada universiti dan juga komuniti setempat.

FKI dan Kolej Islam As-Sofa Wujud Kerjasama Mengadakan Program Francais

Susulan daripada lawatan Kolej Islam As-Sofa ke Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) pada pada 10 Januari, pihak FKI yang diketuai oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Siswazah), Prof. Madya Dr. Normadiah Daud telah mengadakan lawatan balas ke Kolej Islam As-Sofa pada 3 Mei. Lawatan yang turut disertai oleh Ketua dan seorang pensyarah Pusat Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Dr. Nor Hafizi Yusof dan seorang pensyarah dari Pusat Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah iaitu Ustazah Mariam Nabilah Mohd Noor ini disambut oleh Ketua Eksekutif Kolej Islam As-Sofa, Encik Muhd Sufi Ibrahim. Tujuan lawatan balas ini adalah untuk melihat kemudahan dan fasiliti yang ada di Kolej Islam As-Sofa sebelum kerjasama dilaksanakan.

Sesi perbincangan yang diadakan lebih tertumpu kepada agenda terbesarnya iaitu untuk mengadakan program francais dengan beberapa program Ijazah Sarjana Muda di FKI, UniSZA. Selain itu, kedua-dua institusi turut bersetuju untuk mengadakan kerjasama penyelidikan dan menganjurkan seminar.

Pihak Kolej Islam As-Sofa telah menunjukkan minat yang sangat besar untuk mengadakan francais dengan program Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Sunnah (Qiraat). Antara premis yang telah dilawati oleh delegasi FKI di Kolej Islam As-Sofa ialah bilik kuliah, perpustakaan, bilik kebal, makmal komputer dan lain-lain. Pada akhir pertemuan, pihak Kolej Islam As-Sofa telah menghadiahkan 18 jilid kitab kepada Perpustakaan UniSZA.



Kejohanan Sepak Takraw Terbuka UniSZA Kampus Besut 2019

Sukan merupakan kegiatan yang memerlukan kemahiran dan ketangkasan serta tenaga. Ia boleh dilakukan sebagai acara pertandingan atau sekadar aktiviti bagi mengisi masa terluang. Kerajaan juga menyokong aktiviti sukan dalam kalangan pelajar di setiap peringkat khususnya universiti dengan memperkenalkan pelbagai dasar yang berkaitan termasuk Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi. Sukan bukanlah semata-mata aktiviti fizikal malahan pemodenan sukan bergerak seiring dengan kemajuan dunia serta bersifat lebih dinamik dan profesional.

Bagi menyahut dan menyokong kemajuan sukan negara, Unit Sukan dan Rekreasi Kampus Besut bersama Pejabat Pengarah Kampus Besut telah menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Terbuka UniSZA Kampus Besut 2019 pada 17-20 Januari bertempat di Dewan Serbaguna UniSZA Kampus Besut. Penganjuran ini adalah julung kalinya diadakan di UniSZA Kampus Besut. Penglibatan dalam kejohanan ini dilihat sangat memberangsangkan kerana menerima penyertaan daripada 35 pasukan merangkumi pelajar UniSZA dan komuniti setempat.

Penglibatan dalam sukan bukan sahaja perlu dititikberatkan dalam kalangan pelajar malah di semua peringkat usia. Tujuan utama penganjuran kejohanan ini adalah untuk mengeratkan silaturahim antara komuniti UniSZA dengan komuniti setempat di samping memupuk semangat kesukanan dan meningkatkan tahap kesihatan. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, kejohanan ini mendapat maklum balas yang positif dalam kalangan peserta dan majoriti daripada mereka mengharapkan agar kejohanan seumpama ini dapat dianjurkan pada masa akan datang.

Kejohanan ini berakhir dengan Majlis Perasmian Penutup yang telah disempurnakan oleh Pengarah Kampus, Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman yang diiringi oleh Pegawai Belia dan Sukan Kanan Kampus Besut, Encik Mohd Fauzan Haji Ariffin. Pengarah Kampus turut menyampaikan hadiah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada semua pemenang.



UniSZA Raih Pingat Sulung di National Allied Health Science Sports Event 2019

Pada 30 Mac - 1 April, *National Allied Health Science Sports Event (NAHSEE)* 2019 telah diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor. Sebanyak enam buah IPTA turut menyertai NAHSSE pada tahun ini iaitu UPM, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan UniSZA. Terdapat lapan acara yang dipertandingkan iaitu bowling, bola baling, bola sepak, bola jaring, bola keranjang, bola tampar, futsal dan *NAHSSE Run*.

Seramai 73 peserta dari UniSZA terlibat dalam NAHSEE pada tahun ini yang merupakan acara sukan tahunan antara universiti khas bagi pelajar Fakulti Sains Kesihatan (FSK). Ia merupakan sebuah kejohanan tahunan antara enam buah universiti. Setiap universiti akan bergilir untuk menjadi tuan rumah.

Pada tahun ini, UniSZA berjaya meraih pingat sulungnya iaitu satu pingat gangsa dalam acara *NAHSSE Run* kategori Perempuan 5 km melalui Saudari Nur Syazrin Ahmad Safuan. Juara keseluruhan NAHSEE 2019 disandang oleh USM.

Objektif utama penglibatan UniSZA dalam kejohanan NAHSSE ialah untuk mengeratkan hubungan pelajar FSK antara keenam-enam universiti tersebut. Selain itu, penglibatan ini juga bertujuan untuk menghargai pencapaian serta bakat dalam kalangan pelajar FSK, memupuk semangat kesukaran dalam kalangan pelajar serta menaikkan nama UniSZA di peringkat kebangsaan. Hasil penglibatan dalam program ini dapat memupuk nilai kerjasama dalam satu pasukan untuk memberi komitmen kepada acara sukan yang dipertandingkan, mewujudkan persaingan yang sihat selain mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pelajar.





1



5



2



6



3



7



4



8



- 1 Anugerah Sukan MASUM 2018.
- 2 AUFF International Football Tournament.
- 3 UniSZA Tuan Rumah Anugerah Sukan MASUM 2018.
- 4 Kejohanan Liga Futsal IPT Fasa 1.
- 5 Hiking To Bukit Maras.
- 6 AUFF International Football Tournament.
- 7 Besut Campus Night Games.
- 8 Kejohanan Tenpin Boling Piala Datuk Bandar Edisi Ke-3.
- 9 Liga Bola Sepak PTj Naib Canselor.
- 10 Liga Bola Sepak PTj Naib Canselor.
- 11 Majlis Iftar Bersama Atlet Memanah Kebangsaan & Atlet UniSZA.
- 12 Majlis Iftar Bersama Atlet Memanah Kebangsaan & Atlet UniSZA.
- 13 Tuan Rumah UniSZA Juara Keseluruhan SIPTAR 2019.
- 14 Tuan Rumah UniSZA Juara Keseluruhan SIPTAR 2019.



SEJARAH DAN PERKEMBANGAN INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK DI NEGERI TERENGGANU


Penulis: Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, Mohd Shafiee Hamzah

ISBN: 978-967-2231-17-2

Harga: RM40.00

Tahun: 2019

Institusi pondok memainkan peranan yang sangat besar dalam sejarah dan perkembangan pendidikan Islam di negeri Terengganu. Institusi pondok melalui era kemerosotan apabila sistem madrasah diperkenalkan. Banyak pondok telah dinaik taraf menjadi madrasah dan tidak kurang pula yang ditutup. Walau bagaimanapun, pada hari ini, terdapat usaha untuk menghidupkan semula sistem pengajian pondok ekoran wujudnya kesedaran untuk memperkenalkan semula kitab-kitab turath, pengajaran dan pembelajaran secara talaqqi serta bersanad. Justeru, buku ini merupakan satu usaha untuk memperkenalkan kepada masyarakat tentang pondok-pondok yang wujud di negeri Terengganu yang masih mengekalkan tradisi sistem pengajian pondok. Buku ini boleh dijadikan rujukan oleh para pengkaji yang ingin mengetahui tentang tokoh-tokoh ulama, latar belakang dan kurikulum pondok-pondok yang wujud pada akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 yang tidak banyak dibukukan.



KEMAJUAN KAEDAH HITUNGAN FALAK

Penulis: Baharrudin Zainal, Sharifah Hamizah Syed Omar, Nurul Afidah Mohd. Toridi, Ahmad Taufan Abdul Rashid

ISBN: 978-967-2231-19-6

Harga: RM49.00

Tahun: 2019


Apakah yang ada pada naskhah falak alam Melayu? Adakah kandungannya adalah astronomi Eropah yang disalin semula bagi mengisi keperluan sezaman? Atau naskhah falak garapan ulama alam Melayu sebenarnya mengandungi ilmu yang dimajukan daripada sains Tamadun Islam? Persoalan ini terjawab dalam buku ini yang diharap dapat mengubah persepsi sumbangan ulama alam Melayu dalam kaedah matematik dan teknikal berkaitan aplikasi falak. Bagi memenuhi keperluan beberapa aspek ibadat khusus, para ulama alam Melayu telah memajukan kaedah hitungan dan penerbitan maklumat falak.

Malahan mereka juga telah menyatakan dengan jelas dalam naskhah falak yang mereka hasilkan langkah-langkah hitungan ini bersama dengan kaedah pengukuran dan penandaannya di lapangan.



Begitu juga dengan penggunaan peralatan atau medium yang berkaitan dengan kaedah hitungan dan pengukurannya. Jika mengambil kira penghasilan naskhah falak alam Melayu yang terawal dikesan pada penghujung abad ke-19M, usaha mereka ini tidak jauh tempoh masanya dengan retorik kerja ukur pemetaan terawal oleh juruukur Inggeris di Tanah Melayu pada tahun 1885M. Dengan pengaruh sains Tamadun Islam, para ulama yang mendapat pendidikan di Mekah, Madinah dan kemudiannya di Mesir telah membawa ilmu ini ke alam Melayu melalui penghasilan sejumlah naskhah falak.

Buku ini telah mengupas kemajuan kaedah hitungan falak berkaitan hitungan waktu solat, sudut kiblat, penyusunan takwim, dan sudut Matahari dalam keadaan tertentu. Hasil hitungan yang melibatkan pengukuran dan penandaannya seperti sudut kiblat dan garisan geografi kemudiannya ditandakan di lapangan. Pada setiap peringkat kemajuan kaedah hitungan falak, penggunaan medium hitungan dinyatakan sama ada ijтиhad dengan sains rakyat, kaedah hisab munajjimin, penggunaan sukuan sinus, atau kaedah logaritma. Apabila mesin kira saintifik dimajukan serta era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), ahli falak dapat menyesuaikan penggunaan medium ini kerana memenuhi objektif aplikasi falak dalam ibadat. Setiap kaedah hitungan dan penerbitan data falak yang dibincangkan telah disertakan ilustrasi grafik serta rumus moden untuk menunjukkan mutu anasir sains dalam kaedah yang dibincangkan. Sesungguhnya buku ini dapat mencerminkan pencapaian sebenar sains dengan aspek teknikalnya sebagaimana pengamalan utama alam Melayu pramoden.



MAZHAB SYAFI'I: LEGASI DAN PENGARUHNYA DI MALAYSIA

Penulis: Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Muhammad Alif Md Aris, Abdul Hanis Embong

ISBN: 978-967-2231-21-9

Harga: RM30.00

Tahun: 2019

Mazhab Syafi'i merupakan mazhab yang diasaskan oleh Muhammad bin Idris al-Syafi'i ataupun dikenali sebagai Imam al-Syafi'i. Mazhab ini dianggap sebagai salah satu daripada empat mazhab fiqh utama dalam Islam dan telah menjadi pegangan dan amalan masyarakat Islam di Nusantara termasuklah di Malaysia. Pengaruh Mazhab Syafi'i sangat dominan kepada masyarakat Islam di Malaysia terutama dalam perkara berkaitan ibadah. Kedudukan Mazhab Syafi'i di Malaysia telah diperkuuhkan lagi berdasarkan peruntukan perlombagaan dan enakmen-enakmen setiap negeri yang berorientasikan Mazhab Syafi'i sebagai rujukan utama.

Buku ini membincangkan sejarah perkembangan Mazhab Syafi'i pada peringkat awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Selain itu, buku ini mengutarakan pengaruh Mazhab Syafi'i dalam bidang pendidikan, perundangan dan penafawaan di Malaysia. Daripada perbincangan ini, legasi dan kedudukan serta pengaruh Mazhab Syafi'i di Malaysia dapat dilihat dengan jelas. Buku ini disimpulkan melalui perbincangan berkaitan cabaran yang dihadapi oleh Mazhab Syafi'i di Malaysia pada masa kini. Buku ini diharap dapat menjadi rujukan bagi meningkatkan pemahaman dan pengetahuan yang mantap berkenaan pengamalan Mazhab Syafi'i di Malaysia.